

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"BETA amat optimis dengan kaum belia pada hari ini, dari sudut, mereka itu suka melakukan kerja-kerja amal dalam pelbagai bidang. Begitu juga kaum belia dikenali sebagai suka berpersatuan,"
- Titah Sempena Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Ke-6 pada 14 Jamadilakhir 1438H / 13 Mac 2017M.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN boleh jadi kamu tidak menyukai kepada sesuatu pada hal ia baik bagi kamu dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu pada hal ia buruk bagi kami. Dan Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui."
- (Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 216).

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.50

SUBUH
5.00

SYURUK
6.18

DUHA
6.40

ZUHUR
12.24

ASAR
3.26

MAGHRIB
6.28

ISYAK
7.38

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 41

5 APRIL 2017 / 1438 رجب 8

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Berkenan menerima mengadap



Oleh : Aimi Sani

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, ihsan Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Komunikasi dan Multimedia, Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak.
- Foto : Ihsan Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman.

Perutusan takziah kepada Persekutuan Rusia

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan takziah kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin, di atas kehilangan nyawa dan kecederaan berikutan dengan serangan bom di St. Petersburg baru-baru ini.

Dalam titah perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berasa sedih mengetahui tentang serangan tersebut dan seterusnya menyampaikan ucapan takziah dan simpati yang amat mendalam kepada TYT Vladimir Putin, kerajaan dan rakyat Persekutuan Rusia, terutama sekali kepada keluarga mangsa yang terkorban.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan menerima mengadap Menteri Komunikasi dan Multimedia, Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima satu Warkah Persilaan ke Istiadat Pertabalan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV Malaysia, Sultan Muhammad V.

Ke muka 3



Muka 4

HUBUNGAN kerjasama Brunei - Kanada terus kukuh



Muka 7

PAMERAN seni kraf tangan Jepun di Muzium Teknologi Melayu

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

HARI ini merupakan hari yang bermakna bagi Brunei Darussalam dan Singapura.

Majlis Peletakan Batu Asas pada petang ini menandakan bermulanya fasa pembinaan bagi penubuhan vertikal, atas tanah, *bio-secured*, akuakultur berkepadatan tinggi di Brunei Darussalam oleh KR Apollo Sendirian Berhad.

Dengan jumlah pelaburan lebih BND20 juta, projek perikanan bersepadu KR Apollo di tapak ini, akan merealisasikan pengeluaran akuakultur makanan ikan dan ikan akuarium dari tahun ini dan seterusnya. Ia adalah salah satu daripada projek utama yang penting bagi sektor perikanan kami.

Projek ini bakal membuktikan bahawa teknologi tinggi, operasi pertanian vertikal tertutup secara teknikal bukan sahaja boleh dilakukan di Brunei Darussalam, tetapi ia sangat berdaya maju.

Dan, dalam hal ini dari segi ekonomi dan sosial ia memberi manfaat kepada kedua-dua buah negara; Brunei Darussalam dan Singapura, kerana, Brunei memerlukan peningkatan pengeluaran ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan, manakala Singapura memerlukan bekalan makanan laut yang banyak.

Merealisasikan projek ini akan menjadi titik perubahan bagi Brunei Darussalam:

- Dari ternakan kolam tradisional luas dengan produktiviti yang rendah ke pelbagai peringkat, tertutup kepada sistem densiti tinggi;

- Dari terlalu bergantung kepada tapak dan tanah yang dekat dengan bekalan air laut, kepada sistem peredaran semula dengan penggunaan semula air yang cekap membolehkan operasi boleh di tempatkan mana-mana sahaja;

- Dari sistem konvensional kepada tenaga yang cekap dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar akuakultur dan sistem pemprosesan;

- Dari bergantung kepada pasaran tempatan ke arah mewujudkan, dan pasaran eksport yang konsisten untuk produk yang berkualiti tinggi.

Hari ini, 80% jumlah penghasilan adalah dijana melalui tangkapan perikanan. Walau bagaimanapun, data kami menunjukkan bahawa tangkapan perikanan telah mengalami trend menurun. Ini disebabkan oleh banyak faktor seperti kesan semula jadi alam sekitar serta lebih tangkapan.

Walaupun ini, kami menyasarkan untuk meningkatkan nilai pengeluaran sektor perikanan dari lebih BND100 juta dalam tahun 2015 menjadi lebih daripada BND600 juta menjelang 2020 dan 70% ini kami menjangkakan akan datang dari akuakultur.

Walaupun Brunei Darussalam lebih besar sedikit daripada Singapura, had tanah juga merupakan salah satu kekangan kita dan itulah sebabnya kami memberi tumpuan kepada industri akuakultur. Dan ya, kita perlu teknologi dan sistem yang betul untuk mengembangkan ternakan ikan kami ke atas dan bukannya ke arah sisi.

Meningkatkan pengeluaran juga menjadi

Projek perikanan bersepadu KR Apollo

Realisasikan pengeluaran akuakultur



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa berucap pada Majlis Pecah Tanah Ladang Akuakultur Vertikal Atas Tanah oleh KR Apollo Sendirian Berhad Ladang Ikan Sungai Jambu, Gadong, pada hari Isnin, 13 Februari 2017.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan

asas Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, yang telah dilancarkan bulan lepas.

Penggunaan teknologi dalam akuakultur tidak hanya menunggu perkembangan normal. Ia adalah satu keperluan bagi Brunei Darussalam. Selaras dengan usaha kami untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing yang akan membolehkan produk dan perkhidmatan kami menembusi pasaran eksport.

Dengan menitikberatkan penggunaan teknologi tinggi akuakultur yang semakin meningkat bagi bekalan produk makanan laut berkualiti yang mampan dari Brunei Darussalam, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan penghargaan kepada Apollo Aquarium Private Limited Singapore kerana memilih untuk bekerjasama dengan KR Kamarulzaman & Associates dan sekali gus

membawa teknologi itu ke Brunei Darussalam dan tambahan pasaran.

Brunei Darussalam sentiasa membukakan peluang perniagaan dan pelaburan terutama daripada syarikat-syarikat Singapura, terutama yang boleh membawa *vertical* terkini, bertanggungjawab terhadap alam sekitar, teknologi pertanian berkepadatan tinggi (*super-high density*).

Saya difahamkan bahawa, sesi rangkaian antara perniagaan Brunei dan Singapura akan diadakan pada hari Selasa. Saya difahamkan peserta-peserta terdiri daripada petani, peniaga, penyedia perkhidmatan dan bakal pelabur dari Brunei dan Singapura. Ini adalah kali kedua sesi ini dianjurkan, sebagai kesinambungan sesi yang sama diadakan di Singapura akhir tahun lepas.

Saya menggesa mereka yang menyertai komuniti perniagaan, untuk menggunakan sepenuhnya sesi ini untuk mencari peluang untuk mewujudkan lebih banyak kerjasama sesama mereka sama ada dalam pengeluaran, pengedaran, pembungkusan, pemasaran dan perdagangan ke atas produk dan perkhidmatan mereka.

Majlis Peletakan Batu Asas hari ini adalah hasil daripada kerja keras dan sokongan kuat terutamanya oleh kerajaan kedua-dua buah negara, Brunei Darussalam dan Singapura.

Dengan ini, mewakili Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada :

- Kerajaan Singapura, khususnya Dr. Koh Poh Koon, dan pejabat beliau;
- A.V.A Singapura
- Kementerian Tenaga dan Industri, Jabatan Perdana Menteri, Brunei
- Kementerian Kewangan, Brunei
- Kementerian Luar Negeri dan Perdagangan
- Kementerian Pembangunan
- Dan semua agensi-agensi kerajaan yang sentiasa memberikan sokongan dari awal.

Dan, sudah tentu, semua yang terbaik untuk KR Apollo Sendirian Berhad dengan bermulanya operasi pertama pelbagai peringkat, tertutup, sistem peredaran semula akuakultur mereka di Brunei Darussalam.

Terima Kasih. Wabillahit Taufik, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

5 APRIL 2017 BERSAMAAN 1438 رجب 8

KENDERAAN TERBIAR JEJASKAN ALAM SEKITAR

ALAM sekitar adalah anugerah Allah yang amat bernilai untuk kesejahteraan kehidupan manusia. Allah mencipta alam ini untuk kemakmuran manusia sejagat. Alam sekitar yang tidak tercemar sudah pasti memberikan kesejahteraan kepada manusia. Malangnya ada segelintir pemilik kenderaan didapati meninggalkan kenderaan mereka terbiar begitu sahaja di tempat awam bukan hanya dalam masa seminggu atau dua minggu, sebulan dua malahan ada yang bertahun-tahun. Ia bukan sahaja menimbulkan pemandangan yang menyakitkan mata bahkan juga menimbulkan kesulitan kepada orang ramai.

Justeru itu, Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan dan syarikat-syarikat pelupusan kenderaan di negara ini akan melaksanakan Projek Menangani Isu Kenderaan Terbiar seluruh negara ke arah kebersihan alam sekitar dan pembatalan kenderaan berkenaan (Nationalwide environment clean-up project on abandoned vehicles leading to the "deregistration" of vehicles) bermula pada 6 April 2017. Orang ramai atau pemilik-pemilik kenderaan yang meninggalkan kenderaan mereka terbiar di tempat awam diarahkan supaya memindahkan kenderaan sebelum tarikh berkenaan.

Menurut kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh JPD baru-baru ini, mana-mana kenderaan yang tidak dipindahkan selepas tarikh yang dinyatakan di atas akan ditarik atau dipindahkan oleh syarikat-syarikat pelupusan ke satu tempat yang telah ditentukan. Pemilik kenderaan yang hendak menuntut kenderaan yang telah ditarik hendaklah menghubungi JPD di semua cawangannya di seluruh negara untuk proses penuntutan.

Sebarang kos tuntutan termasuk kos penarikan adalah menjadi tanggungjawab pemilik dan mereka hendaklah menjelaskan bayaran kepada syarikat-syarikat yang berkenaan. Jika kenderaan tersebut tidak dituntut dalam tempoh masa tiga bulan selepas 6 April 2017 atau tarikh-tarikh kenderaan itu dijumpai ditinggalkan, maka mengikut akta dan peraturan yang sedia ada, kenderaan itu akan disita dan dilelong atau dilupuskan dan dibatalkan pendaftarannya daripada Sistem Pengangkutan Darat.

Projek yang dilancarkan ke seluruh negara ini adalah merupakan hasil daripada perbincangan dan penelitian agensi-agensi berkenaan dengan mengambil kira tindakan-tindakan yang telah dibuat sebelum ini dari setiap agensi yang terlibat dan aduan-aduan yang diterima daripada orang ramai mengenai kenderaan-kenderaan terbiar di kawasan-kawasan awam seperti di tepi jalan raya, kawasan letak kereta, bengkel-bengkel kenderaan dan kawasan-kawasan lain di seluruh negara.

Kenderaan terbiar berkenaan telah mendatangkan beberapa masalah seperti menyukarkan orang awam untuk meletakkan kenderaan mereka di kawasan letak kereta serta menjejaskan pandangan dan mencemarkan alam sekitar.

Daripada penelitian JPD sejak tahun 2015 terdapat sebanyak 387,817 buah kenderaan yang berdaftar dalam Sistem Pengangkutan Darat (SPD) berbanding kenderaan yang aktif dilesenkan hanya berjumlah lebih kurang 306,510 buah saja. Ini bermakna sejumlah kira-kira 81,307 kenderaan yang tidak dilesenkan atau terbiar atau yang mungkin sudah dilupuskan oleh orang ramai melalui syarikat-syarikat pelupusan tanpa melaporkan ke JPD.

Menurut kenyataan itu lagi, satu jawatankuasa petugas telah ditubuhkan ke arah menangani isu-isu yang berkaitan dan juga untuk memastikan tindakan-tindakan yang bersesuaian mengikut akta dan peraturan yang sedia ada. Jawatankuasa itu juga akan mengambil tindakan yang bersesuaian berpadanan kepada bidang tugas dan kawal selia kawasan di bawah tadahan masing-masing yang telah diselaraskan mengikut prosedur dan proses yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama.

Projek Menangani Isu Kenderaan Terbiar seluruh negara ke arah kebersihan alam sekitar dan pembatalan kenderaan berkenaan dilaksanakan bukanlah bertujuan untuk menyusahkan mana-mana pihak tetapi sebaliknya untuk mendidik dan memberi pengajaran kepada pemilik-pemilik kenderaan di negara ini supaya lebih bertanggungjawab dan tidak membiarkan kenderaan mereka yang rosak terbiar begitu di tempat-tempat awam. Jika perkara ini dibiarkan tanpa sebarang tindakan sewajarnya sudah tentu tidak mustahil satu masa nanti akan menyebabkan lebih banyak kenderaan yang rosak dibiarkan oleh pemilik sesuka hati dan menjejaskan keindahan alam sekitar. Melstarikan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama.

- Ketua Penyuntingan (Nh).

Rangkaian Cuaca 3 Hari			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
BAYAN LEBUH SEGAMAH			
32°C	24°C	32°C	24°C
MUARA			
32°C	24°C	32°C	24°C
PERKAN DATANG			
32°C	23°C	32°C	23°C
PERKAN TUTONG			
32°C	23°C	32°C	23°C
PERKAN SERIA			
32°C	24°C	32°C	24°C
KUALA BELAIT			
32°C	24°C	32°C	24°C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi APRIL	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5	RABU	8	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.28	7.38
6	KHAMIS	9	4.50	5.00	6.17	6.40	12.24	3.27	6.28	7.38
7	JUMAAT	10	4.49	4.59	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28	7.38
8	SABTU	11	4.49	4.59	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28	7.38
9	AHAD	12	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
10	ISNIN	13	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
11	SELASA	14	4.47	4.57	6.15	6.38	12.22	3.29	6.28	7.37
Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit										
TALIAN KECEMASAN			AMBULANS 991	POLIS 993	BOMBA 995	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123			
							NDMC 2380214			

Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Warkah Persilaan ke Istiadat Pertabalan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV Malaysia, Sultan Muhammad V, daripada Menteri Komunikasi dan Multimedia, Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak (atas), sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada salah seorang rombongan tersebut.

Dari muka 1

Menyertai bersama Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia, Malaysia pada Majlis Mengadap itu ialah Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Yang Berbahagia Dato' Seri Syed Danial bin Syed Ahmad dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraj Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Komunikasi dan Multimedia, Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak dan rombongan.

Berangkat sertai Perlawanan Bola Jaring persahabatan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai bersama barisan pemain Pasukan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam dan pasukan bola jaring dari Sri Lanka.

Oleh :
Ihsan Radio Televisyen Brunei
Foto : Ihsan Media Permata


BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah hari ini berkenan berangkat menyertai Pasukan Bola

Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam di dalam siri perlawanan persahabatan dengan pasukan bola jaring dari Sri Lanka.

Pada perlawanan ini, pasukan kebangsaan menang dengan kiraan 81 berbalas 14. Perlawanan ini diharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi pasukan bola

jaring kebangsaan dan sebagai salah satu persiapan pasukan negara untuk menghadapi kejohanan-kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa.

Perlawanan berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di Berakas.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika membuat kunjungan hormat kepada Gabenor-Jeneral Kanada, Tuan Yang Terutama The Right Honourable David Johnston. Juga hadir semasa kunjungan tersebut ialah isteri kepada Gabenor-Jeneral, Puan Yang Terutama Sharon Johnston. Mengiringi YTM sepanjang lawatan tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika mengadakan perjumpaan dua hala bersama Setiausaha Parlimen kepada Menteri Hal Ehwal Luar Kanada, Tuan Matt Decourcy di Global Affairs Canada.

Hubungan kerjasama Brunei dan Kanada terus kukuh

**Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan**

KANADA, Isnin, 3 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berangkat tiba di Ottawa pada 2 April 2017 atas jemputan Global Affairs Canada.

Pada tahun ini, Kanada akan meraikan Ulang Tahun Ke-150 negara Kanada juga Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Dialog ASEAN - Kanada.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Ottawa dijunjung oleh Director-General for Southeast Asia, APEC and ASEAN of Global Affairs Canada, Tuan James Ian Burchett dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Kanada, Tuan Yang Terutama Kolonel (B), Pengiran Haji Kamal Bashah bin Pengiran Haji Ahmad.

Lawatan hari kedua dimulakan dengan perjumpaan-perjumpaan dua hala yang diadakan di Global Affairs Canada.

YTM memulakan perjumpaannya bersama Setiausaha Parlimen kepada Menteri Hal Ehwal Luar Kanada, Tuan Matt Decourcy diikuti dengan Penolong Timbalan Menteri bagi Asia Pasifik, Global Affairs Canada, Tuan Dr. Donald Bobiash.

Sementara itu, YTM juga berkenan berangkat menghadiri santap tengah hari yang diberikan oleh Timbalan Menteri bagi Perkembangan Antarabangsa, Global Affairs Canada, Tuan Peter M. Boehm yang berlangsung di Global Affairs Canada.

Pada semua perjumpaan berkenaan, beberapa perkara

telah pun disentuh terutama sekali perkembangan hubungan dua hala, di mana kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk menerokai bidang-bidang kerjasama yang berpotensi.

Selain itu, isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama juga dibincangkan.

Pada sebelah petang, YTM seterusnya membuat kunjungan hormat kepada Gabenor-Jeneral Kanada, Tuan Yang Terutama The Right Honourable David Johnston. Turut hadir semasa kunjungan tersebut ialah isteri kepada Gabenor-Jeneral, Puan Yang Terutama Sharon Johnston.

Semasa perjumpaan tersebut, kedua belah pihak mengakui bahawa Negara Brunei Darussalam dan Kanada mempunyai hubungan persahabatan dan kerjasama yang rapat dan seterusnya menekankan bagi meningkatkan lagi kerjasama dua hala kedua-dua negara.

YTM seterusnya menghadiri Santap malam di Salon Du Jardin, Hilton Lac-Leamy Hotel, Ottawa yang turut sama dihadiri oleh Senator dari Wilayah British Columbia, Tuan Yuen Pau Woo, pegawai-pegawai kanan dari Global Affairs Canada dan juga Ketua-Ketua Perwakilan ASEAN di Ottawa.

Turut mengiringi YTM sepanjang lawatan tersebut ialah Yang Amat Mulia, Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Azizi bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

YTM berangkat dan meneruskan lawatan ke Vancouver pada 4 April 2017 sebelum mengakhiri lawatan.

Majlis 71 Kali Khatam Al-Quran

Daerah Brunei Muara

Oleh: Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 April. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran 71 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-71 bagi Tahun 2017 diadakan serentak di masjid-masjid terpilih di keempat-empat daerah bermula selepas Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, Majlis Pelancarannya diadakan

di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-71 bagi Tahun 2017.

Peserta-peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran terdiri daripada Ahli-ahli Majlis

Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di keempat-empat daerah seluruh negara mengikut kategori dewasa lelaki, dewasa wanita, belia dan beliawanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung termasuk penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili dari Sekolah-Sekolah Arab, Sekolah-Sekolah Ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah seluruh negara dari Kementerian Pendidikan yang berjumlah keseluruhan 1,708 peserta.

Pada tahun ini, seramai 692 orang menyertai bagi Daerah Brunei dan Muara terdiri daripada 35 orang lelaki dewasa, 35 orang wanita dewasa, 35 belia, 35 beliawanis, 86 kanak-kanak lelaki, 86 kanak-kanak perempuan, 190 pelajar Kementerian Pendidikan (lelaki) dan 190 pelajar Kementerian Pendidikan (perempuan).

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan niat khas pembacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam Ahli-ahli MPMK dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-71 bagi Tahun 2017 dan seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari juz pertama dimulakan.

Sejurus selesai bacaan ayat-ayat Suci Al-Quran, majlis diakhiri dengan bacaan Doa Khusus bagi memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga

SERAMAI 692 orang menyertai Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran 71 Kali Khatam bagi Daerah Brunei dan Muara (kiri).



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-71 bagi Tahun 2017 hadir pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran 71 Kali Khatam bagi Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis adalah salah satu acara yang dirancang oleh Jawatankuasa Kebangsaan sempena Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-71 bagi Tahun 2017.

Majlis adalah bagi menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat-Nya menjadikan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera selain bagi mendukung hasrat

Kebawah DYMM untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir dengan rakyatnya celik Al-Quran.

Turut hadir pada Majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Yang Berhormat Ahli-Ahli majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Pendidikan, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan KHEDN, Kementerian Pendidikan dan KHEU, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli MPMK serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah.



Daerah Tutong

TUTONG, Selasa, 4 April. - Satu Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-71 Tahun diadakan di masjid-masjid terpilih setiap daerah.

Bagi Daerah Tutong pula, tumpuan diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, Kampung Bukit Beruang, Mukim Telisai, di sini.



Pada tahun ini, daerah ini menerima penyertaan seramai 412 orang yang terdiri daripada 35 lelaki dewasa, 35 wanita dewasa, 35 belia, 35 beliawanis, 86 kanak-kanak lelaki, 86 kanak-kanak perempuan, 50 pelajar Kementerian Pendidikan (lelaki) dan 50 pelajar Kementerian Pendidikan (perempuan).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara daerah ini; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan KHEU, Pemangku Pegawai Daerah Tutong; pegawai-pegawai kanan kerajaan, Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung, ahli-ahli takmir masjid dan anak-anak buah kampung.

Terdahulu Surah Al-Fatihah dibacakan beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu kehormat dengan niat khas Pembacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam berkenaan diikuti dengan pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari juz pertama.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Khusus bagi memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga

**Berita dan Foto :
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim**



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof (tiga, kanan) hadir pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam bagi Daerah Tutong (atas), sementara gambar kiri, para pelajar yang menyertai majlis tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal karar memerintah negara ini dengan hidayah dan petunjuk dari-Nya.

Tujuan majlis tersebut diadakan ialah bagi menzahirkan kesyukuran

rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat-Nya menjadikan negara ini di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Majlis 71 Kali Khatam Al-Quran

Daerah Belait

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Selasa 4 April. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam yang diumumkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan sempena Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-71 bagi Tahun 2017 adalah untuk menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu

Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat-Nya menjadikan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh

Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-71 bagi Tahun 2017 diadakan selepas Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, hari ini bertempat di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Bagi Daerah Belait pula, Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam tersebut diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Majlis bermula dengan Bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu kehormat dengan niat khas Pembacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam tersebut dan seterusnya Pembacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bermula dari juz pertama dimulakan.

Tahun ini, penyertaan bagi daerah ini berjumlah seramai 412 orang, terdiri daripada 35 lelaki dewasa; 35 wanita dewasa; 35 belia; 35 beliawanis; 86 kanak-kanak lelaki; 86 kanak-kanak perempuan; 50 pelajar Kementerian Pendidikan

DAERAH Belait menerima penyertaan seramai 412 orang bagi Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos (tengah) hadir pada Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam di Daerah Belait.

(lelaki) dan 50 pelajar Kementerian Pendidikan (perempuan).

Turut hadir sama, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Pegawai Daerah Belait; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama; Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait; Penghulu-penghulu Mukim; Ketua-ketua Kampung; Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan

Kampung serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah; pegawai-pegawai ugama; bilal-bilal; ahli-ahli takmir masjid dan anak-anak buah kampung.

Majlis Khatam Al Quran 71 Kali Khatam tersebut dan Bacaan Doa Khusus adalah bagi memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala. Doa Khusus tersebut dibaca bagi mengakhiri majlis yang penuh keberkatan itu.

Daerah Temburong



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Perhubungan Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad (empat, kiri) hadir pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam bagi Daerah Temburong.

TEMBURONG, Selasa, 4 April. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-71 bagi Tahun 2017 diadakan di seluruh negara.

Di Daerah Temburong, majlis bermula selepas sembahyang Fardhu Asar Berjemaah bertempat di Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis, Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad, yang juga memimpin bacaan Surah

Al-Fatihah beramai-ramai dengan niat khas Pembacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam Ahli-ahli MPMK dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-71 bagi Tahun 2017.

Majlis diteruskan dengan pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari Juz Pertama.

Turut menyertai majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Amir Hairil bin Haji Mahmud; Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pemangku Ketua Pegawai

Ugama Daerah Temburong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah, pegawai-pegawai ugama, bilal-bilal, ahli-ahli takmir masjid dan anak-anak buah kampung.

Pada tahun ini penyertaan bagi Daerah Temburong adalah berjumlah seramai 192 orang yang terdiri daripada 18 orang lelaki dewasa dan 18 orang wanita dewasa, 35 orang belia dan 35 orang beliawanis, 33 orang kanak-kanak lelaki dan 33 orang kanak-kanak perempuan serta 10 orang pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan (Kementerian Pendidikan).

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Khusus yang dibacakan oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, Awang Haji Yussof bin Haji Ahad, bagi memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Salah seorang peserta khatam, Mohammad Adib Iffat Khan bin Mohammad Kamsul Khan, 11 tahun, murid darjah 4 yang menuntut di Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Bangar semasa beres gembira kerana terpilih menyertai acara ini. buat kali pertama.

Sementara itu salah seorang peserta belia mewakili Persatuan Saudara-Saudara Baharu Temburong (PESAT), Awang Ahmad Razi bin Mohammad Rais, 21 tahun, berasal dari Kampung Semabat berkata beliau amat

bersyukur kerana terpilih menyertai acara berkebakikan ini yang menurutnya adalah peluang yang sangat berharga buatnya. Tambahnya, sebagai seorang belia mualaf di negara ini, beliau amat bersyukur di atas pemerintahan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang begitu prihatin dan pemeduliaan terhadap kebajikan rakyat jelata termasuk golongan saudara baharu.

Majlis ini merupakan salah satu acara yang dirancang oleh Jawatankuasa Kebangsaan sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-71 Bagi Tahun 2017 dan diadakan di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.



SERAMAI 192 orang menyertai Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam bagi Daerah Temburong.

Pameran seni kraf tangan Jepun di Muzium Teknologi Melayu



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar General (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa merasmikan Pameran Berunsurkan Kraf Tangan - Teknik dan Tradisi Negara Jepun.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mendengar keterangan dari Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Noriko Iki mengenai pameran tersebut.

Oleh : Khartini Hamir, Mahirah Haji Mohd. Raduan
Foto : Azmah Haji Ahad

KOTA BATU, Isnin, 3 April. - Orang ramai yang ingin melihat secara lebih dekat mengenai seni kraf tangan Jepun kini boleh mengunjungi Muzium Teknologi Melayu, Jalan Kota Batu untuk menyaksikan pameran dari negara matahari terbit itu.

Pameran Berunsurkan Kraf Tangan - Teknik dan Tradisi Negara Jepun yang diadakan bermula hari ini hingga 30 April itu merupakan anjuran Kedutaan Jepun di negara ini dengan kerjasama Yayasan Jepun.

Sehubungan itu, perasmian pameran itu disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar General (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof. Terdahulu, Duta Besar Istimewa dan

Mutlak Jepun ke negara ini, Puan Yang Terutama Noriko Iki dalam alu-aluannya menjelaskan, pameran ini adalah salah satu daripada pameran yang diselenggarakan oleh Yayasan Jepun dari koleksi karya seni mereka sendiri yang memainkan peranan dekat dalam kehidupan seharian masyarakat di setiap wilayah Jepun, di samping mempamerkan kerja-kerja kreatif seni yang dibuat oleh para karyawan 'Craft Artists'.

Selain itu, pameran tersebut juga memberikan tumpuan kepada kraf tradisional yang dibangunkan dalam proses kehidupan seharian oleh para karyawan dengan memperkenalkan pelbagai produk kraf tradisional termasuk seramik, tekstil, kaca, logam, kayu, kerja buluh, Lakuer, kertas dan

peralatan *stationary*.

Pameran yang juga diselenggarakan bersama oleh Jabatan Muzium-Muzium Brunei, dibukakan setiap hari bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang, kecuali Jumaat dibukakan dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 5.00 petang dan masuk adalah percuma.

Juga hadir, Setiausaha-Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan Awang Haji Mohd. Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad; Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Aji; Pegawai Tugas-Tugas Khas di Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Quddus bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz serta pegawai dan kakitangan Jabatan-Jabatan Muzium dan pihak Kedutaan Jepun.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, PYT Noriko Iki; Setiausaha-Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan Awang Haji Mohd. Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad; Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Aji dan Pegawai Tugas-Tugas Khas di Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Quddus bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz mengabadikan gambar kenangan.

Pesuruhjaya PDB lawat tapak Hengyi

Siaran Akhbar dan Foto :
Hengyi Industries Sdn. Bhd.

MUARA, Isnin, 4 April. - Rombongan yang terdiri daripada para pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang diketuai oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Mohd. Shah Al-Islam telah mengadakan lawatan kerja ke tapak projek Refinery Hengyi di Pulau Muara Besar (PMB).

Delegasi disambut oleh Naib Presiden Korporat Hengyi, Sheikh Rashid Salam dan seterusnya rombongan diberikan taklimat mengenai kemajuan projek serta dibawa melawat ke beberapa tapak di pulau tersebut.

Sheikh Rashid menjelaskan sebahagian daripada jeti di sebelah Timur Selatan PMB telah hampir siap. Jeti ini akan digunakan untuk pemungghahan kargo dan mesin untuk digunakan bagi pembinaan kilang penapisan legar utama.

Menurutnya, syarikat tersebut kini



ROMBONGAN yang diketuai oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Mohd. Shah Al-Islam (tujuh, kiri) dan para pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) bergambar ramai bersama beberapa pegawai dan kakitangan Hengyi.

di peringkat akhir proses kelulusan sebelum memulakan pembinaan loji kuasa dan unit penapisan.

Sementara itu Pesuruhjaya Polis pula berkata ini merupakan projek utama bagi kerajaan dan rakyat Brunei.

"Dalam projek sebesar ini, keselamatan pekerja yang ditempatkan

di PMB semasa fasa pembinaan adalah menjadi kebimbangan utama kami. PDB akan membantu Hengyi dalam memastikan keperluan keselamatan terhadap kemudahan dan pekerja di pulau ini dikekalkan semasa peringkat pembinaan. Kami akan bekerjasama dengan pasukan keselamatan Hengyi sendiri untuk memastikan rangka

kerja tindak balas diselaraskan dengan baik," ujarnya.

Baru-baru ini mengumumkan Keputusan Pelaburan Akhir bagi fasa pertama projek berkenaan bernilai USD3,445 bilion. Penapisan telah menetapkan pengambilan sejumlah lapan juta tan bahan mentah setiap tahun untuk

menghasilkan produk seperti petrol, diesel dan bahan api jet A untuk kegunaan tempatan dan eksport.

Apabila ia mula beroperasi pada tahun 2019, fasa pertama kilang itu dijangka akan menyediakan 971 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Jerayawara Hari Menabung Kebangsaan 2017 bermula

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi



PARA penuntut sekolah mendengarkan penerangan dari Biro Kredit AMBD.

Pelantikan Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif DARE

Siaran Akhbar :
Darussalam Enterprise (DARE)

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 April. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa baginda Sultan telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan Javed Ahmad sebagai Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif bagi Darussalam Enterprise (DARE).

Pelantikan tersebut berkuat kuasa mulai hari Isnin, 6 Rejab 1438 Hijrah bersamaan 3 April 2017 Masihi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 April. - Seramai 100 orang pelajar sekolah menengah di Daerah Brunei dan Muara berpeluang meningkatkan pengetahuan mengenai pengurusan kewangan secara berkesan dengan berlangsungnya Jerayawara Hari Menabung Kebangsaan 2017 yang diadakan di Dewan Darussalam, Sekolah Menengah Chung Hwa, di sini.

Dengan bertemakan Generasi Celik Kewangan, jerayawara berkenaan menawarkan pelbagai aktiviti interaktif sekitar pengurusan kewangan dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menabung selagi awal, berdikari dan menangani isu-isu kewangan secara berkesan yang dianjurkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Radio Televisyen Brunei (RTB), Tabung Amanah Pekerja (TAP) serta institusi-institusi dan agensi-agensi lainnya.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah sekolah berkenaan.

Selain itu jerayawara tersebut turut disertai oleh Bank Baiduri, Junior Achievement dan Great Eastern yang akan dilartakan keseluruhan negara pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

Jerayawara seterusnya akan diadakan lagi pada Khamis, 6 April 2017 bertempat di Sekolah Menengah Katok, Daerah Brunei Muara dan seterusnya akan berada di Daerah Belait pada 10 April 2017 manakala di Daerah Tutong pada 13 April dan Temburong pada 18 April depan.

Salah seorang tenaga pengajar yang ditemui semasa jerayawara berkenaan, Ustaz Mohammad Hussaini bin Mohammad dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit berpendapat



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh semasa menyaksikan ruang pameran yang mempamerkan aktiviti-aktiviti untuk penuntut sekolah.

dengan mengikuti aktiviti-aktiviti tersebut diharap akan meningkatkan pengetahuan para penuntut mengenai faedah menabung dan juga pengurusan kewangan yang lebih berkesan di samping ianya juga berkait rapat dengan matapelajaran yang diajarkan di sekolah.

Dengan adanya jerayawara ini diharap akan dapat meningkatkan kesedaran dan menyumbang kepada matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi Negara Brunei Darussalam untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan, serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran.

Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Menabung Kebangsaan pada setiap 28 Mei semenjak mula diisytiharkan sebagai

Hari Menabung Kebangsaan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

Antara yang hadir di Jerayawara Hari Menabung Kebangsaan 2017 ialah Penasihat Syariah AMBD, Awang Haji Muhamad Shukri bin Haji Ahmad, Pengetua Sekolah Menengah Chung Hwa, Dayang Kho Guik Lan serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

EIDPMO kawal selia pematuhan LBD Kerajaan



SETIAUSAHA Tetap (Industri), Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri (EIDPMO), Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah (kanan) bersama Naib Presiden Jualan dan Operasi, Schlumberger Timur Tengah Asia.

KUALA BELAIT, Selasa, 4 April. - Bidang pekerjaan tempatan Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri (EIDPMO) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain dan peserta industri, termasuk pengusaha utama jabatan seperti Syarikat Minyak Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) telah memperkenalkan Industri Rangka Kerja Kompetensi (ICF) sejak tahun 2013 untuk menyediakan kemahiran teknikal bagi tempatan seperti yang dikehendaki oleh industri yang boleh memastikan anak-anak tempatan sedia kerja (atau sedia-industri) apabila mereka menamatkan program latihan.

Sehubungan itu, EIDPMO akan

terus mengawal selia dan memudahkan pematuhan Arahan Pembangunan Perniagaan Tempatan (LBD) Kerajaan dalam Sektor Minyak dan Gas, bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan, terutama peserta industri untuk menyampaikan objektif LBD.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Tetap (Industri), EIDPMO, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, ketika berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Pecah Tanah, Tapak Centre of Excellence sebagai Kemudahan Baharu Syarikat Cameron (B) Sendirian Berhad yang terletak berdekatan dengan Stesen Tol Rasau, di sini.

Awang Haji Mohamad Azmi seterusnya berkata, EIDPMO sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat untuk terus bekerjasama dengan kerajaan, dengan menyediakan kepakaran yang diperlukan dan untuk menyokong serta mengambil bahagian dalam program-program tersebut.

"Kami difahamkan bahawa Syarikat Cameron menyasarkan untuk mencapai tenaga kerja seramai 90 pekerja tempatan atau 96 peratus pekerjaan tempatan pada tahun 2025 bagi projek mereka di Brunei, pada masa ini Cameron mempunyai seramai 62 pekerja tempatan atau kurang 74 peratus pekerjaan tempatan daripada sejumlah 84 pekerja.

Setiausaha Tetap (Industri), EIDPMO turut menekankan, dengan adanya aktiviti minyak dan gas secara am telah dipengaruhi oleh harga minyak yang rendah.

"Kami ingin mengingatkan pada semua syarikat dalam sektor minyak dan gas bagi memastikan sebarang penamatan atau pelepasan kakitangan tempatan akan dibincangkan terlebih dahulu dengan EIDPMO dan JobCentre Brunei sebelum dilakukan penamatan pekerjaan," jelasnya.

Beliau juga berkata, selaras dengan usaha Negara Brunei Darussalam untuk mempelbagaikan dan mengembangkan ekonomi, kerajaan mempunyai beberapa projek yang dijalankan untuk memanfaatkan perancangan perdagangan bebas serta menarik pelaburan langsung asing (FDI), salah satu inisiatif utama adalah untuk meningkatkan perdagangan merentasi sempadan dengan meningkatkan kecekapan pergerakan barangan dan perkhidmatan dalam juga luar negara, ini termasuk

Berita dan Foto :
Noraisah Muhammed

pembangunan pelabuhan Brunei menjadi Pusat Logistik serantau, dengan visi mereka untuk menjadi pusat akses utama ke dalam kedua-dua ASEAN dan pasaran Islam di seluruh dunia, dan menurutnya lagi, inisiatif itu juga akan turut memberi manfaat pada syarikat-syarikat antarabangsa seperti Cameron yang menubuhkan Centre of Excellence Hub berpangkalan di Brunei dan

menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat antarabangsa untuk menubuhkan pusat mereka di negara ini.

"Pusat ini bukan sahaja akan menambah kapisiti untuk menawarkan perkhidmatan pada pasaran Brunei terutama kepada pengusaha minyak dan gas seperti Syarikat BSP, tetapi juga akan membawa perniagaan dari rantau ini ke Brunei," ujarnya.



PELETAKAN batu asas yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis tersebut.

Siapa boleh menerima manfaat wakaf ?

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

WAKAF dalam Islam adalah satu amalan mulia kerana orang yang melaksanakannya berjaya membelanjakan hartanya bagi tujuan membantu atau memudahkan orang lain, selain berusaha mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah *Subhanahu Wata'ala*. Amat jelas dinyatakan di dalam hadis Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* bahawa keistimewaan amalan berwakaf ini ialah ganjaran pahala itu tetap berterusan diterima oleh si pewakaf selama mana harta atau benda yang diwakafkan itu masih wujud dan masih dimanfaatkan oleh orang lain walaupun si pewakaf itu sudah meninggal dunia.

Di Negara Brunei Darussalam pula, berwakaf sudah mula menjadi amalan yang giat diusahakan oleh pelbagai pihak, sama ada individu yang berwakaf atau kumpulan individu yang berwakaf atas nama sesebuah organisasi atau jabatan kepada pihak-pihak tertentu bagi meraikan tuntutan agama berkaitan perkara kebajikan dan *amar ma'ruf*. Berwakaf Al-Quran, tanah untuk tapak masjid atau tapak sekolah, rumah, buku-buku, merupakan antara contoh wakaf yang sering didengar. Selain daripada itu, terdapat juga beberapa agensi kerajaan mahupun swasta yang menawarkan pakej barangan berupa buku, kerusi roda, permaidani sembahyang dan yang seumpamanya, di samping menawarkan kemudahan untuk menyerahkan kepada pihak yang akan menerima, semata-mata bertujuan untuk memudahkan orang ramai berwakaf.

Dalam hal penerima *sighah* (lafaz) ia bergantung pada niat atau *sighah* (lafaz) pewakaf itu sendiri sama ada penerima manfaat wakaf itu ditentukannya secara khusus atau tidak ditentukan, hanya dinyatakannya umum secara kategori. Namun yang pasti, tidak kira penerimanya itu ditentukan secara khusus atau tidak, terdapat syarat yang perlu dipatuhi agar maksud wakaf itu boleh direalisasikan sebagai mana yang digariskan oleh syarak.

Maksud Wakaf Menurut Syarak

Dari segi syarak, wakaf bermaksud menahan suatu harta yang boleh dimanfaatkan dalam keadaan harta tersebut tetap kekal fizikalnya, di mana pewakaf memutuskan hak *tasharruf*nya terhadap benda atau barang yang diwakafkannya, untuk dikhususkan manfaatnya kepada pihak penerima yang diharuskan dan sabit kewujudannya.

Maksud pewakaf menahan suatu harta miliknya dengan memutuskan hak *tasharruf*nya terhadap harta tersebut ialah pewakaf memberhentikan haknya terhadap harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, hibah, gadai, wasiat dan pusaka.

Secara dasarnya berwakaf dalam Islam ialah :

a. Menahan suatu harta atau benda yang diwakafkan dan hanya boleh diambil manfaat daripadanya oleh penerima manfaat wakaf atau oleh orang awam, mengikut niat orang yang berwakaf.

b. Pemilikan harta wakaf berpindah daripada tuan punya harta atau benda yang diwakafkan itu kepada milik Allah *Ta'ala*. Untuk berwakaf pula, pewakaf perlu berlafaz umpamanya dia berkata : "Saya wakafkan bangunan ini untuk dijadikan sekolah."

Syarat Penerima Manfaat Wakaf

Rukun wakaf ada empat (4), iaitu:

1. Pewakaf (orang yang berwakaf)
2. Barang yang diwakaf
3. Penerima wakaf
4. *Sighah* (lafaz wakaf)

Maksud penerima wakaf adalah orang yang menerima manfaat barang yang diwakafkan. Penerima manfaat wakaf dibahagikan kepada dua, iaitu :

- i. Penerima manfaat wakaf yang ditentukan

ii. Penerima manfaat wakaf yang tidak ditentukan

Pertama : Penerima manfaat wakaf yang ditentukan

Penerima manfaat wakaf yang ditentukan ada dua :

a. Individu dengan ditentukan nama. Contohnya pewakaf berkata : "Saya wakafkan barang ini kepada si Fulan."

b. Kumpulan yang ditentukan sama ada dengan disebut :

- Nama-nama orang yang ditentukan. Contohnya pewakaf berkata : "Saya berwakaf barang ini kepada si Fulan, si Fulan dan si Fulan."

- Atau pun dengan disebut sifat orang-orang yang ditentukan. Contohnya pewakaf berkata : "Saya berwakaf barang ini kepada anak-anak si Fulan yang fakir."

Adapun syarat penerima manfaat wakaf sama ada individu mahupun kumpulan yang ditentukan ini hendaklah dia atau mereka itu boleh memiliki manfaat wakaf tersebut ketika pewakaf melafazkan *sighah* wakafnya.

Oleh yang demikian, tidak sah seseorang berwakaf kepada pihak yang tidak wujud seperti seseorang berwakaf barang kepada masjid : "Aku berwakaf ini untuk masjid itu," sedangkan masjid tersebut tidak wujud atau baru hendak dibina. Begitu juga tidak sah berwakaf kepada seseorang yang tidak wujud seperti seseorang berwakaf kepada anaknya : "Aku berwakaf ini kepada anak-anakku," sedangkan dia tidak mempunyai anak. Atau pun dia berwakaf kepada anaknya yang belum lahir. Sebagai contoh : "Aku berwakaf ini kepada anakku yang akan lahir." Atau pun dia berwakaf kepada anak-anaknya yang fakir : "Aku berwakaf ini kepada anak-anakku yang fakir," sedangkan dia tidak mempunyai anak-anak yang dalam keadaan fakir. Walau bagaimanapun, jika anak-anaknya fakir atau sebahagian daripada mereka ada yang fakir, maka sah wakaf tersebut dan diserahkan kepada siapa yang fakir dari kalangan mereka.

Begini juga tidak sah seseorang berwakaf kepada dirinya sendiri kerana tiada faedah baginya untuk melakukan sedemikian (berwakaf untuk dirinya sendiri). Akan tetapi jika dia berwakaf, umpamanya, kepada orang-orang fakir ataupun kepada golongan ulama, kemudian selepas itu dia menjadi salah seorang daripada orang-orang fakir itu atau salah seorang daripada golongan ulama itu, maka sah wakafnya itu dan dia pula boleh menerima sama manfaat daripada wakaf tersebut kerana tujuannya berwakaf adalah untuk kumpulan bukan untuk dirinya sendiri. Begitu juga jika seseorang berwakaf dengan berkata : "Aku berwakaf buku-buku ini untuk bacaan kaum Muslimin." Dalam hal ini, dia juga boleh turut membaca buku yang diwakafkannya itu kerana dia juga adalah salah seorang daripada mereka.

Menyebut mengenai pemilikan manfaat barang yang diwakaf, tidak sah seseorang berwakaf kepada janin atau kepada orang yang sudah mati, kerana keduanya tidak boleh memiliki manfaat wakaf.

Selain itu, tidak sah juga seseorang berwakaf kepada orang yang tidak diketahuinya seperti seseorang berwakaf kepada seseorang yang tidak ditentukannya atau berwakaf kepada orang yang dipilih atau ditentukan oleh orang lain, sedangkan pewakaf tidak mengetahui siapa penerima wakaf itu. Ini kerana wakaf adalah pemilikan yang perlu disegerakan pemilikannya kepada penerima manfaat wakaf. Maka ini tidak akan berlaku jika penerima manfaat wakaf tidak diketahui.

Sama juga halnya jika pewakaf tidak menentukan salah satu di antara dua pihak penerima manfaat wakaf. Sebagai contoh, seseorang berwakaf kepada salah seorang daripada dua lelaki atau salah sebuah daripada dua masjid (tanpa menyebut nama salah satu daripada keduanya). Maka yang sedemikian tidak sah wakafnya kerana wakaf adalah pemilikan yang tidak bertangguh dan wajib ditentukan pemilikannya (penerima manfaat wakaf).

Dalam perkara penerima wakaf ini juga, sah seorang muslim berwakaf kepada orang *dzimmi* (orang bukan Islam yang mendapat perlindungan

dan tinggal di negara Islam) yang ditentukannya. Dan sah hukumnya wakaf orang *dzimmi* kepada orang *dzimmi* lain yang ditentukannya, seperti juga dalam hukum pemberian sedekah sunat kepada mereka. Dengan syarat, wakafnya itu bukan bermaksud untuk membantu atau menolong kepada perkara maksiat dan hendaklah ia merupakan sesuatu yang boleh mereka miliki atau mereka manfaatkan. Oleh sebab itu, berwakaf Al-Quran atau kitab-kitab ilmu syarak kepada mereka maka adalah ditegah.

Begini juga sah wakaf seseorang kepada kafir *mu'ahad* (orang bukan Islam yang membuat perjanjian damai dengan orang Islam) atau kafir *musta'man* (orang bukan Islam yang masuk ke negara Islam untuk bekerja dan mendapatkan jaminan keamanan daripada pemerintah Islam) selama mana mereka berada di negara Islam. Ini kerana hukum wakaf bagi mereka ini sama seperti orang *dzimmi*.

Walaupun bagaimanapun, tidak sah seseorang berwakaf kepada kafir *harbi* (orang bukan Islam yang memerangi Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya) dan orang murtad (orang yang keluar daripada agama Islam), kerana mereka ini tidak diakui dalam keadaan keduanya berterusan sedemikian.

Kedua : Penerima manfaat wakaf yang tidak ditentukan

Penerima manfaat wakaf yang tidak ditentukan ialah penerima yang hanya dinamakan mengikut kategori seperti berwakaf kepada masjid-masjid, orang-orang fakir, para ulama, para penuntut ilmu, orang-orang miskin, orang-orang yang mengerjakan haji, para mujahidin, para guru dan yang selainnya.

Disyaratkan berwakaf kepada pihak yang ditentukan melalui kategori ini hendaklah ia bukan untuk perkara maksiat atau perkara yang membawa kepada keburukan. Ini kerana wakaf disyariatkan bertujuan menolong ke arah kebaikan bukan sebaliknya dan paling utama tujuan wakaf itu disyariatkan adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu Ta'ala*.

Berwakaf kepada pihak-pihak yang jelas di dalamnya bentuk *qurbah* (mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu Wata'ala*) seperti berwakaf kepada masjid-masjid, orang-orang fakir, para ulama, ahli qura' (pembaca-pembaca Al-Quran), para guru, untuk (fasilitas) ka'bah, untuk hospital-hospital atau jambatan-



jambatan, untuk keperluan pengkafanan mayat, untuk bantuan para penggali kubur dan para penggapai (yang memandikan mayat) dan yang seumpamanya hukumnya adalah sah. Berwakaf kepada pihak-pihak seperti di atas amat digalakkan dan pewakafnya akan diberi ganjaran dan pahala kerana wakafnya itu.

Adapun berwakaf kepada pihak-pihak yang tidak jelas di dalamnya bentuk *qurbah* juga dibolehkan selama mana wakaf tersebut bukan untuk perkara maksiat, seperti seseorang berwakaf kepada orang-orang kaya atau berwakaf kepada orang-orang *dzimmi*. Ini kerana wakaf itu adalah pemilikan manfaat wakaf, dan mereka ini (orang kaya atau orang *dzimmi*) adalah dari kalangan orang yang boleh memiliki (manfaat wakaf) sebagaimana juga bersedekah kepada mereka ini adalah dibolehkan.

Namun yang jelas, tidak sah berwakaf untuk perkara maksiat seperti seseorang berwakaf senjata kepada orang-orang yang menimbulkan huru-hara dalam kalangan awam dan yang seumpamanya.

Kesimpulannya, pewakaf boleh sahaja berwakaf dengan cara menentukan penerima manfaat wakaf atau berwakaf dengan tidak menentukan sesiapa tetapi hanya dengan menyebutkan golongan sasaran yang akan menerima manfaat wakafnya. Dalam perkara menentukan penerima wakaf, hendaklah dipastikan bahawa penerima manfaat wakaf itu wujud dan mampu memiliki manfaat daripada barang yang diwakafkan kepadanya. Begitu juga, wakaf tersebut disumbangkan bukan untuk perkara maksiat sama ada penerimanya ditentukan ataupun tidak.

DALAM hal penerima manfaat wakaf, ia bergantung pada niat atau 'sighah' (lafaz) pewakaf itu sendiri sama ada penerima manfaat wakaf itu ditentukannya secara khusus atau tidak ditentukan, hanya dinyatakan umum secara kategori. Namun yang pasti, tidak kira penerimanya itu ditentukan secara khusus atau tidak, terdapat syarat yang perlu dipatuhi agar maksud wakaf itu boleh direalisasikan sebagai mana yang digariskan oleh syarak.

٥٠ تاهون گکل قرار ممرینته داتس تختا

50 TAHUN KEKAL KARAR MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Oleh : Kementerian
Pertahanan dengan
kerjasama

Meja Kandungan Khas Pelita
Brunei, Jabatan Penerangan

PADA 31 Mei 2006, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah mengurniakan titah sempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-45, yang antara lain menggariskan beberapa inisiatif yang diambil oleh Kementerian Pertahanan, termasuk penubuhan Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik dan penubuhan sebuah skim biasiswa bagi penuntut-penuntut cemerlang.

Dalam mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035, terutamanya dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi dan berjaya, Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPPS-SHHB), mempunyai dua fungsi berasingan, iaitu penyelidikan, dan biasiswa dan latihan.

Dalam bidang penyelidikan, IPPS-SHHB memberikan sumbangan terhadap perancangan dasar melalui penganalisaan isu-isu berkaitan dengan pertahanan dan perkembangan serantau. Manakala melalui acara-acara seperti East Asia Security Outlook Seminar, Institut ini juga menyediakan platform bagi pegawai-pegawai dan para ilmuwan



untuk berbincang dan bertukar pendapat isu-isu pertahanan dan strategik, termasuk persekitaran keselamatan serantau.

Manakala melalui Divisyen Biasiswa dan Latihan, IPPS-SHHB telah diamanahkan untuk mengendalikan dua program di Kementerian Pertahanan, iaitu Program Biasiswa Pemerintah Tertinggi ABDB dan Program Perkembangan Eksekutif (atau

'Executive Development Program' - EDP) bagi pegawai-pegawai kanan.

Skim Biasiswa Kementerian Pertahanan merupakan skim biasiswa pengambilan (*recruitment scholarship*), yang mana pelajar-pelajar cemerlang yang berminat untuk menceburkan diri dalam kerjaya pertahanan diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti terkemuka dan mengikuti kursus-kursus yang diperlukan oleh Kementerian Pertahanan.

Skim ini berbeza dari kebanyakan biasiswa lain kerana ia merupakan program perkembangan berterusan yang bermula dari awal lagi, sebelum penuntut bertolak ke tempat pengajian masing-masing, sehinggalah mereka menamatkan pengajian.

Pelajar-pelajar penerima biasiswa didedahkan pada kaedah-kaedah berkomunikasi dengan jelas, kepimpinan, dan kerjasama berpasukan agar mereka lebih kompetitif semasa persekolahan dan apabila mereka melangkah ke alam perkerjaan.

Melalui sesi-sesi Kenali Negara Kitani dan kursus adat istiadat, program ini juga diharap dapat memperkuat lagi rasa kekitaan atau *sense of belonging* para pelajar sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Manakala lawatan ke unit-unit awam dan tentera akan memberi kefahaman

kepada mereka mengenai visi dan misi kementerian dan memberi gambaran terhadap aplikasi ilmu pengetahuan mereka semasa berkhidmat nanti.

Penerima-penerima biasiswa kebanyakannya berprestasi tinggi; ini jelas apabila ada yang menerima pelbagai *awards* dan *grants* atau *tuition discounts* dari universiti masing-masing. Mungkin yang lebih penting adalah kesemua lepasan Skim Biasiswa Kementerian Pertahanan boleh dikatakan mempunyai prestasi tinggi dalam pkerjaan.

IPPS-SHHB juga menganjurkan EDP bagi pegawai-pegawai kanan tentera dan awam. Ia serupa dengan program Program Pembangunan Eksekutif anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam, dan disertai oleh pegawai-pegawai kanan ABDB, pegawai-pegawai kanan dari Perkhidmatan Awam dan dari badan-badan statutori. Kursus ini juga dibukakan kepada beberapa negara sahabat bagi mengukuhkan lagi talian pertahanan pertahanan dengan negara-negara berkenaan. Penyeritaan dari pelbagai latar belakang ini membolehkan para peserta untuk berkongsi pengalaman yang luas antara mereka dan bertukar-tukar pendapat terutamanya terhadap kaedah kepimpinan dan pengurusan terbaharu serta penganalisaan,

penggubalan dan pelaksanaan dasar awam. Dalam memberi sumbangan pada kementerian atau jabatan yang menghantar pegawainya untuk berkursus, para peserta dikehendaki membuat kajian dan membentuk sebuah kertas kaji selidik yang mengandungi langkah-langkah ke arah pembaikan proses atau mempertingkatkan prestasi sesebuah organisasi.

Langkah-langkah di atas telah dilaksanakan untuk menyumbang kepada generasi pemimpin dan anggota tentera yang dinamik, untuk mendukung visi dan misi kementerian, iaitu melahirkan angkatan tentera yang cekap, responsif dan efisien dalam penggunaan sumber, mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah dan mendukung perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja.

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, IPPS-SHHB dan Kementerian Pertahanan akan terus memberi tumpuan ke arah mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035 dengan sentiasa membuat pembaikan secara sistematik.

SKIM Biasiswa Kementerian Pertahanan merupakan skim biasiswa pengambilan (*recruitment scholarship*), yang mana pelajar-pelajar cemerlang yang berminat untuk menceburkan diri dalam kerjaya pertahanan diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti terkemuka dan mengikuti kursus-kursus yang diperlukan oleh Kementerian Pertahanan.

Skim ini berbeza dari kebanyakan biasiswa lain kerana ia merupakan program perkembangan berterusan yang bermula dari awal lagi, sebelum penuntut bertolak ke tempat pengajian masing-masing, sehinggalah mereka menamatkan pengajian.

Pemenang Minda Pembaca!



Kegiatan kesukarelawan lahirkan masyarakat miliki nilai murni

DALAM kehidupan budaya masyarakat Melayu sifat tolong menolong merupakan asas kepada perpaduan dan penyatuan dalam sesebuah komuniti. Aktiviti yang berasaskan kepada kegiatan tolong menolong dan gotong-royong telah diwarisi sejak turun-temurun dan ia kekal sehingga hari ini. Oleh yang demikian, nilai-nilai murni seumpama ini haruslah dikekalkan dalam masyarakat kita khususnya masyarakat Melayu yang kaya dengan sifat yang lemah lembut, berbudi bahasa, bersopan santun dan sikap tolong-menolong antara satu sama lain. Nilai-nilai inilah merupakan asas kepada elemen kesukarelawan.

Oleh itu, semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat sememangnya dituntut oleh negara memandangkan ia mencerminkan jati diri dan semangat sebagai seorang warganegara yang bertanggungjawab. Berbagai-bagai isu masa kini yang perlu diatasi dengan memerlukan kerjasama antara kerajaan dengan masyarakat khususnya kesukarelawan belia. Hal ini kerana golongan belia merupakan populasi penduduk paling besar di Negara Brunei Darussalam. Oleh yang demikian, golongan belia hendaklah menanamkan dalam diri mereka semangat kesukarelawan bagi sama-sama berganding bahu dalam menjayakan

setiap program dan bantuan yang dikelolakan dalam sesebuah organisasi dan komuniti.

Di samping itu, kesukarelawan juga dapat memupuk sikap ikhlas mengambil peduli akan keperluan dan kebajikan masyarakat. Oleh itu, golongan belia yang memiliki semangat yang kuat dan prihatin terhadap keadaan dalam masyarakatnya adalah mereka yang sentiasa peka dan ingin membantu tanpa mengharap apa-apa balasan ataupun ganjaran.

Dalam hal ini, golongan belia yang melibatkan diri dalam sukarelawan sangat memberikan manfaat kepada orang lain. Secara tidak langsung penglibatan mereka dalam kegiatan kesukarelawan akan memupuk sifat mudah berkorban demi kebaikan, menyemai perasaan kasih dan sayang semasa insan dan sebagainya. Oleh yang demikian, jika seseorang itu sering kali melibatkan diri dalam kegiatan kesukarelawan maka dengan sendirinya dia akan mahu terlibat sama dalam sesuatu program tanpa disuruh dan menyertainya tanpa dipengaruhi

oleh sebarang pulangan gaji atau ganjaran.

Di negara kita, penglibatan golongan muda dalam kegiatan sukarelawan tidaklah mengecewakan. Jika kita lihat penglibatan mereka melalui aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh badan-badan kerajaan mahupun badan-badan bukan kerajaan, ternyata golongan belia kita masih ramai yang turut serta dalam aktiviti tersebut. Dengan yang demikian, mereka bolehlah menyalurkan potensi diri melalui aktiviti-aktiviti yang dikelolakan daripada terlibat dalam aktiviti yang tidak berfaedah. Oleh yang demikian, diharap akan lebih ramai lagi golongan belia kita akan terlibat dalam kegiatan kesukarelawan dalam sama-sama menyumbang bakti kepada negara.

Nama : Dk. Siti Rokiah binti Pg. Haji Mohiddin
No. K/P : 01-074911 (K)
Alamat : No. 10, Simpang 82, Jalan 39, RPN Kampung Rimba Gadong, BE3319, Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Usaha-usaha Memelihara Alam Sekitar'. Tarikh Tutup : **5 April 2017**
2. 'Amalkan Budaya Menabung dan Berjimat Cermat'. Tarikh Tutup : **12 April 2017**
3. 'Keluarga Berperanan Bentuk Sahsiah Anak-Anak'. Tarikh Tutup : **19 April 2017**

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00**.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: **pelita.brunei@information.gov.bn**

Sedekah ringankan beban orang susah


MENGELUARKAN sebahagian dari harta kekayaan sebagai sedekah bagi tujuan menolong meringankan bebanan orang yang dalam kesempitan dan dalam perkara-perkara berkebaikan dengan syarat tidak bertentangan dengan agama adalah suatu amal kebajikan yang mulia. Ia adalah akhlak yang membawa kepada keberkatan hidup, baik di dunia dan mahupun di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan harta kekayaan atau rezeki lebih kepada kita adalah untuk disedekahkan (dibelanjakan di jalan Allah) sepertimana diriwayatkan oleh Imam Ahmad, daripada Abu Musa, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Kepada setiap Muslim dianjurkan bersedekah. Para sahabat bertanya : "Wahai Nabi, bagaimana orang-orang yang tidak mendapatkan sesuatu untuk disedekahkannya?" Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab : "Hendaklah ia berusaha dengan tenaganya hingga ia memperoleh keuntungan bagi dirinya, lalu ia bersedekah (dengannya)." Mereka bertanya lagi : "Jika ia tidak memperoleh sesuatu?" Jawab Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "Hendaklah ia menolong orang yang sedang teraniaya yang memerlukan dan mengharapkan bantuannya." Mereka berkata : "Jika hal itu tidak juga dapat dilaksanakan?" Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Hendaklah ia melakukan kebaikan." Mereka berkata lagi : "Jika hal itu tidak juga dapat dilaksanakan?" Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Hendaklah ia menahan diri dari kejahatan, kerana hal itu merupakan sedekahnya."

Kita digalakkan untuk bersedekah kepada golongan yang memerlukan bantuan seperti golongan fakir miskin, anak-anak yatim, orang yang ditimpa bencana atau musibah, kematian, orang kurang upaya dan sebagainya. Dengan bersedekah kita dapat meringankan bebanan golongan yang memerlukan bantuan itu.

Islam tidak membatas sedekah kepada sesuatu yang berbentuk material (harta atau wang ringgit), tetapi ia mempunyai pelbagai bentuk yang mencakupi semua perbuatan baik. Seperti



yang kita fahami menurut kebiasaan bersedekah bermaksud memberi seseorang wang atau makanan atau pakaian. Sebenarnya sedekah itu mencakupi pelbagai bentuk bantuan, dan pertolongan. Membantu dengan tenaga, buah fikiran mahupun nasihat adalah dikira sebagai sedekah. Begitu juga dengan melepaskan hutang adalah dianggap sedekah sepertimana disebutkan dalam Al-Quran dalam Surah Al-Baqarah, ayat 280 yang tafsirnya :

"Dan jika dia (orang yang berhutang itu) dalam kesempitan hidup (yang tidak membolehkannya membayar hutang) maka berilah tempoh sehingga dia mampu (untuk membayar hutangnya). Dan (sekiranya) kamu sedekahkan (hutang itu sebahagiannya atau semuanya) adalah lebih baik bagi kamu (daripada kamu menanti-nanti bayarannya), jika kamu mengetahui (berkat dan pahalanya)."

Alangkah besarnya keutamaan seseorang yang membantu meringankan beban saudaranya sesama Muslim, baik dengan harta, tenaga mahupun fikiran atau nasihat untuk kebaikan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri memberi jaminan kepada mereka yang membantu meringankan beban golongan yang dalam kesusahan dan kesempitan, Allah akan memberikan ganjaran yang setimpal dengan kebaikan yang dilakukan. Diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu dia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Barangsiapa membebaskan seorang Mukmin dari suatu kesulitan dunia, maka Allah akan

membebaskannya dari suatu kesulitan pada hari kiamat. Barangsiapa memberi kemudahan kepada orang yang berada dalam kesulitan, maka Allah akan memberikan kemudahan di dunia dan di akhirat. Barangsiapa menutupi aib seorang Muslim, maka Allah akan menutup aibnya di dunia dan di akhirat. Allah akan selalu menolong hamba-Nya selama hamba tersebut menolong saudaranya sesama Muslim."

Oleh itu, apabila kita mengetahui bahawa sebenarnya kita mampu berbuat sesuatu untuk menolong meringankan kesusahan orang lain, maka segeralah lakukan, dan segeralah huluskan bantuan. Terlebih lagi bila orang itu telah meminta pertolongan atau bantuan kepada kita. Pertolongan yang kita berikan, akan sangat bererti bagi orang yang sedang dalam kesusahan. Dan sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala sangat mencintai orang yang ikhlas memberikan kebajikan kepada orang lain dan menghapuskan kesusahan orang lain sepertimana dalam Surah Ali 'Imraan, ayat 134 yang tafsirnya :

"(Iaitu) orang-orang yang membelanjakan (hartanya) pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, serta memaafkan (kesalahan) orang. Dan, Allah mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan."

Membantu orang yang susah dengan pemberian sedekah akan mendapat banyak kebaikan di dunia dan akhirat sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 yang tafsirnya :

"Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) biji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui."

Kebaikan bersedekah ini juga ada disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Barangsiapa memberikan dua macam (barang atau harta milik) sebagai sedekah di jalan Allah, maka ia akan dipanggil oleh satu dari pintu Syurga, "Wahai hamba Allah, ke marilah untuk menuju kenikmatan." Jika ia berasal dari golongan orang-orang yang suka mendirikan sembahyang, ia akan dipanggil dari pintu sembahyang, yang berasal dari kalangan Mujtahid, maka ia akan dipanggil dari pintu jihad; dan jika ia berasal dari golongan yang gemar bersedekah, ia akan dipanggil dari pintu sedekah."

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, daripada Abu Kabsyah al-Annamari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Tiga perkara aku bersumpah di atasnya, tiada kurang harta seorang hamba yang bersedekah, seorang hamba yang ditimpa zalim kemudian dia bersabar menanggungnya nescaya Tuhan menambahkan baginya kemuliaan dan seorang yang meminta-minta maka Allah akan membuka kepadanya pintu kepaan."

Sesungguhnya amalan bantu-membantu sesama Muslim sungguh mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Kebaikan yang akan diperolehi bukan sahaja kebaikan di dunia malahan kebaikan itu akan diperolehi semasa berada di akhirat kelak. Ketika di akhirat hanya amal-amal soleh yang dilakukan semasa di dunia sahaja akan dapat membantu.

Allah Subhanahu Wata'ala memberi jaminan bahawa Dia akan memberi pertolongan kepada sesiapa dalam kalangan hamba-Nya di akhirat nanti. Setiap pemberian sedekah akan diberikan ganjaran pahala sekiranya dilakukan dengan ikhlas kerana Allah semata-mata. Bahkan fadilat atau kelebihan bersedekah adalah meliputi dunia dan akhirat.

Oleh demikian, marilah sama-sama kita perbanyakkan amal-amal soleh di dunia ini dengan memberi pertolongan, sedekah dan kerja-kerja kebajikan kepada golongan fakir miskin, anak yatim, orang kurang upaya, warga emas dan sesiapa sahaja yang susah dan memerlukan bantuan dan pertolongan terutama mereka yang ditimpa musibah dan bencana alam.

Rangka kerja pengurusan perikanan perlu dikukuhkan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa berucap pada Mesyuarat Ke-49 Council of The Southeast Asian Fisheries Development Centre (SEAFDEC).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 April. - Meningkatkan kebolehan tangkapan perikanan marin merupakan salah satu cabaran besar yang dihadapi di rantau ASEAN dengan memerlukan pengukuhan rangka kerja pengurusan perikanan yang berkesan, di samping juga pemantauan, kawalan dan pengawasan.

Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin pada Mesyuarat Ke-49 Council of The Southeast Asian Fisheries Development Centre (SEAFDEC) berkata, mereka percaya bahawa peningkatan pengesanan melalui Pelaksanaan Electronic ASEAN Catch Documentation Scheme atau eACDS yang ditubuhkan oleh SEAFDEC boleh meningkatkan prestasi dalam pengurusan perikanan dan menghalang kemasukan ikan dan produk perikanan dari penangkapan ikan yang tidak sah yang tidak mengikut peraturan dan tidak dilapor (IUU Fishing) ke dalam rangkaian bekalan.

Dr. Awang Haji Abdul Manaf juga difahamkan bahawa SEAFDEC akan menyambut ulang tahun ke-50 tahun ini dan dalam hubungan ini, beliau merakamkan ucapan tahniah kepada SEAFDEC dalam pencapaian yang

mandat bagi membangunkan dan mengurus potensi perikanan rantau ini secara penggunaan rasional sumber-sumber untuk menyediakan jaminan keselamatan makanan kepada rakyat dan mengurangkan kemiskinan melalui peralihan kepada teknologi baru, penyelidikan dan aktiviti penyebaran maklumat.

"Bagi kami di Brunei Darussalam, perikanan adalah dianggap sebagai salah satu daripada pemacu ekonomi untuk bergerak jauh daripada jumlah kebergantungan minyak dan gas. Kami bersungguh-sungguh menggalakkan sektor utama perikanan iaitu, akuakultur dan pemprosesan, untuk pelabur yang berminat di dalam dan luar negara," tambahnya.

Terdahulu, beliau menjelaskan, Brunei Darussalam menyambut baik SEAFDEC atas sumbangannya kepada kerjasama serantau terutamanya dalam menggalakkan pembangunan perikanan yang mapan di rantau ASEAN.

Jelasnya, mereka mengiktiraf pencapaian penting yang dilaksanakan oleh SEAFDEC terutamanya inisiatif Kerjasama Serantau pada tahun-tahun lalu yang telah membuktikan kewujudan penting SEAFDEC.

Beliau menambah, salah satu pencapaian adalah Deklarasi Bersama ASEAN-SEAFDEC mengenai Kerjasama Serantau bagi

Membanteras penangkapan ikan yang tidak sah yang tidak mengikut peraturan dan tidak dilapor (IUU Fishing) dan Meningkatkan Daya Saing Ikan dan Produk Perikanan ASEAN pada Rundingan Peringkat Tinggi ASEAN-SEAFDEC dianjurkan pada 3 Ogos 2016 di Bangkok, Thailand.

"Deklarasi bersama itu turut ditandatangani semasa Sidang Kemuncak ASEAN pada bulan September 2016 di Vientiane, Lao PDR yang mana Ketua-ketua Negara / Kerajaan Negara Anggota ASEAN mengalu-alukan Deklarasi Bersama mengenai pencapaiannya dalam mengukuhkan keupayaan negara bagi membanteras IUU Fishing di rantau ini," ujarnya.

Sementara itu, Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-38 mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) di Singapura pada 6 Oktober 2016 juga jelasnya telah menyatakan Deklarasi Bersama dan menggalakkan negara-negara anggota ASEAN untuk meningkatkan pelaksanaannya.

Menurutnya lagi, Mesyuarat AMAF Ke-38 juga mencadangkan negara anggota ASEAN dalam membangunkan 'ASEAN Common Fisheries Policy' untuk mengukuhkan usaha sama yang mampan dan bertanggungjawab dalam perikanan dan keselamatan makanan di rantau ASEAN.

Brunei tuan rumah Mesyuarat Ke-49 SEAFDEC

Oleh : Mahirah Haji Mohd. Raduan
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 April 2017. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Ke-49 Council of the Southeast Asian Fisheries Development Centre (SEAFDEC) yang bermula hari ini hingga 7 April 2017 berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir merasmikan mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Antara isu yang dibincangkan dalam

mesyuarat tersebut ialah mengenai substantif dan pertimbangan dasar serantau yang berkepentingan seperti membanteras penangkapan ikan yang tidak sah yang tidak mengikut peraturan dan tidak dilapor (IUU Fishing) di rantau ini selaras dengan penggunaan Deklarasi Bersama ASEAN-SEAFDEC mengenai Kerjasama Serantau dan Meningkatkan Daya Saing Produk Ikan dan Perikanan ASEAN.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengarah Perikanan, Awang Abdul Halidi Mohd. Salleh, selaku Pengerusi bagi SEAFDEC Council dari April

2017 hingga Mac 2018 pada majlis tersebut.

Menurutnya, mereka juga bertanggungjawab membincangkan lebih lanjut mengenai Konsep Cadangan ke arah pembangunan Dasar Perikanan bersama ASEAN sebagai tindak balas kepada cadangan yang dibuat oleh Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN (AMAF) Ke-38 Tahun lepas.

NBD telah menjadi ahli pertubuhan SEAFDEC ini semenjak tahun 1995 dan pada masa ini pertubuhan SEAFDEC dianggotai oleh kesemua anggota ahli ASEAN dan negara Jepun.

Mandat SEAFDEC ditubuhkan adalah bagi memajukan dan mengurus potensi sumber perikanan di rantau ini dengan penerokaan sumber yang rasional bagi menyumbang sekuriti

dan keselamatan makanan kepada penduduk dan mengurangkan kemiskinan melalui aktiviti penerapan teknologi baharu, penyelidikan dan penyebaran maklumat.

Pertubuhan SEAFDEC juga adalah sebagai lengan teknikal (*technical arm*) kepada pertubuhan ASEAN dalam bidang perikanan.

Mesyuarat Ke-49 Council of SEAFDEC ini bertujuan untuk membincangkan perkembangan projek-projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 dan seterusnya meluluskan projek-projek yang akan dilaksanakan pada tahun 2017.

Di samping itu, mesyuarat juga membincangkan projek-projek yang akan dilaksanakan dibawah kerjasama SEAFDEC dan badan ASEAN dibawah Kumpulan Kerja ASEAN dalam Sektor Perikanan (ASEAN

Sectoral Working Group in Fisheries, ASWGF).

ASEAN Catch Documentation Scheme yang dilancarkan adalah sangat bertepatan dengan usaha NBD untuk memajukan hasil sektor tangkapan negara ini dalam memenuhi keperluan eksport produk perikanan khususnya ke negara Amerika Syarikat dan negara-negara Persekutuan Eropah.

NBD telah diberi penghormatan untuk menjadi tapak bagi 'pilot projek' ini sebelum ianya diguna pakai oleh setiap negara SEAFDEC apabila ia berjaya.

Mesyuarat ini dihadiri oleh peringkat ketua pengarah atau pengarah di Jabatan Perikanan atau jabatan yang bertanggungjawab terhadap perkembangan perikanan di setiap negara ahli.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin bergambar ramai bersama para perwakilan Mesyuarat Ke-49 Council of the Southeast Asian Fisheries Development Centre (SEAFDEC) dari negara ASEAN.

Mesyyuarat ASEAN - OSHNET Ke-18 bermula



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof (berdiri depan, tujuh dari kiri) berkesempatan bergambar ramai bersama 40 delegasi dari negara-negara ASEAN.

GADONG, Selasa, 4 April. - Negara Brunei Darussalam hari ini menjadi tuan rumah bagi Mesyyuarat Lembaga Penyelaras Rangkaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ASEAN Ke-18 (ASEAN - OSHNET) yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini sehingga 5 April ini di Hotel Centrepont, di sini.

ASEAN OSHNET ditubuhkan sejak tahun 1996, yang mana Mesyyuarat Lembaga itu dianjurkan setiap tahun secara bergilir-gilir dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN dan pada tahun ini diselenggarakan oleh Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Negara Brunei Darussalam buat kali kedua menjadi tuan rumah bagi Mesyyuarat Lembaga Penyelaras ASEAN - OSHNET Ke-18 ini sejak Mesyyuarat Lembaga Penyelaras ASEAN - OSHNET Ke-8 pernah diadakan di ibu negara pada tahun 2007.

Sehubungan itu, Mesyyuarat Lembaga Penyelaras ASEAN - OSHNET Ke-18 telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof dan dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Buruh, Awang Ajman bin Haji Meludin serta dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Buruh.

Awang Abdul Mutalib dalam ucapan perasmianya menjelaskan, Mesyyuarat Lembaga Penyelaras ASEAN - OSHNET terus bertindak sebagai platform terbuka yang sesuai untuk perbincangan dan pertukaran amalan juga kerjasama terbaik dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN dalam usaha ke arah memperbaiki keadaan dan persekitaran di tempat di rantau ASEAN.

Jelasnya, ASEAN - OSHNET antara lain bermatlamat untuk membangunkan satu senarai

pemeriksaan standard bagi Pekerjaan, Keselamatan dan Kesihatan (OSH), sebuah buku panduan Pengurusan Risiko ASEAN tertumpu pada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), aktiviti tahunan kebangsaan kempen OSH untuk kesedaran awam serta inisiatif rangkaian bersama bagi institusi pampasan kecederaan di negara Anggota ASEAN.

Pelan Tindakan ASEAN - OSHNET bagi 2016 - 2020 tambahnya, adalah usaha untuk mewujudkan peluang yang nyata dan boleh dipercayai bagi pembinaan keupayaan serantau dan nasional ke arah meningkatkan keupayaan pembuat dasar serta pihak berkuasa yang kompeten untuk menilai dan menekankan perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan juga kesihatan di tempat kerja.

Seramai 40 perwakilan menghadiri acara tersebut, termasuk wakil-wakil dari negara-negara anggota ASEAN,

agensi kerajaan Negara Brunei Darussalam, Sekretariat OSHNET - ASEAN, Sekretariat ASEAN, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), International Association of Labour Inspection (IALI), State Administration of Work Safety China (SAW), Korean Occupational Safety and Health Agency (KOSHA) dan Japan Ministry of Health, Labour and Welfare (MHLW).

Mesyyuarat Lembaga Penyelaras

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

ASEAN - OSHNET Ke-18 yang diikuti dengan Persidangan ASEAN - OSHNET Ke-4 akan diadakan pada 6 April ini.


Persidangan tersebut akan diadakan di tempat yang sama dan dijangka menerima ramai penyertaan terdiri daripada sekitar 200 peserta yang dijemput. Mereka akan berpeluang menyaksikan beberapa pembentangan bertemakan keselamatan dan kesihatan oleh ASEAN - OSHNET, ILO juga syarikat-syarikat tempatan serta pegawai-pegawai kerajaan dari negara-negara anggota ASEAN mengenai isu-isu keselamatan dan kesihatan progresif juga terkini.

Tujuan utama Mesyyuarat Lembaga Penyelaras itu adalah untuk bertukar-tukar maklumat, membincangkan strategi dan berkongsi amalan juga pengalaman dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan di ASEAN.

Kerajaan ASEAN, melalui kerja-kerja Mesyyuarat Lembaga Penyelaras telah secara aktif melaksanakan dasar-dasar dan program-program yang direka pada keselamatan juga kesihatan pekerjaan sebagai tindak balas pada tempat kerja berbahaya dan kesejahteraan pekerja.

Imbasan Situasi Penyalahgunaan Dadah Negara Brunei Darussalam 2016

Siaran Akhbar dan Infografik : Biro Kawalan Narkotik



130 penuntut Tahun 7 SMSB hadiri Taklimat Kenegaraan

TUTONG, Selasa, 4 April. - Seramai 130 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (SMSB) menghadiri Program Taklimat Kenegaraan yang diunkayahkan oleh Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong bertempat di Dewan Perkumpulan sekolah berkenaan, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Pengetua SMSB, Dayangku Hajah Norahizan binti Pengiran Haji Bungsu; Timbalan Pengetua (Pentadbiran) SMSB, Awang Muhd. Hafizuddin bin Abdullah Tong serta guru-guru sekolah berkenaan.

Taklimat "Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam" disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Beliau antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Atur cara juga diisi dengan tayangan klip video "Kibarkanlah dengan Megah Bendera Negara Semarak Pengibaran Bendera Negara" dan video animasi "Tatacara Mengibarkan Bendera Negara".

Seperti lazimnya, para pelajar juga berpeluang menjawab kuiz kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



TIMBALAN Pengetua (Pentadbiran) Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Awang Muhd. Hafizuddin bin Abdullah Tong (tengah) semasa menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pelajar yang menjawab kuiz kenegaraan.

Penerangan, di mana Timbalan Pengetua (Pentadbiran) telah dijemput untuk menyempurnakan penyampaian hadiah kepada 10 pelajar yang berjaya menjawab soalan yang diajukan.

Program tersebut merupakan salah

satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN
ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**NOTIS MENGENAI
DIVIDEN PERTAMA**

Nama Penghutang - Tony Anak Milang (No. 30-107987). **Alamat** - LTS 3765, Simpang 638-7-2-34, Kampung Bakong Lumut, Belait KC2935, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 296 - 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 31 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Pertama. **Bila dibayar** - 24 April 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

13 Februari 2017.

**DI DALAM MAHKAMAH
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY/CP/117/2006

HSBC FINANCE (B) BERHAD
... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
AWG. MOHAMMAD ALI BIN NASIR
(BYIC NO. 00-262048)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

SILA ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang berikut pada **14 Disember 2006** telah dibatalkan pada **4 Mac 2017**.

Nama Penghutang :
AWG. MOHAMMAD ALI BIN NASIR
Alamat Penghutang :
No. 11, Spg. 636-84-28-3
Rumah Terrace, Beribi, Gadong
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 21 Mac 2017.

KES NO. BCY/CP/545/2012

HSBC FINANCE (B) BERHAD
... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
PG. MAHALI BIN PG. HJ. NORDIN
(BYIC NO. 00-128107)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

SILA ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang berikut pada **27 April 2013** telah dibatalkan pada **16 Mac 2017**.

Nama Penghutang :
PG. MAHALI BIN PG. HJ. NORDIN
Alamat Penghutang :
No. 3, Simpang 25-23
Jln. Wasai Limuru Utara
Perpindahan Kampung Meragang
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 21 Mac 2017.

KES NO. BCY/CP/541/2009

HSBC FINANCE (B) BERHAD
... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
NOR SARINEY BIN LAKIM
@ ABDUL HALIM
(RBAF IC NO. 281224)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

SILA ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang berikut pada **6 Mei 2010** telah dibatalkan pada **11 Mac 2017**.

Nama Penghutang :
NOR SARINEY BIN LAKIM
@ ABDUL HALIM
Alamat Penghutang :
No. 1, Simpang 200-13
Kampung Perpindahan Mentiri, BU2129
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 21 Mac 2017.

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 442 TAHUN 2016
PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM BRUNEI
... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
SAPEE @ SHAHFIEE

BIN HAJI MOHAMMAD SALLEH
(BYIC NO. 00-115392)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 Februari 2017**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
SAPEE @ SHAHFIEE
BIN HAJI MOHAMMAD SALLEH
No. 9, Spg. 27-3, Jln. Meragang
Kg. Sinaut, Tutong, TB1741
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 15 Disember 2016.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**
Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **11 Februari 2017**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **17 April 2017, jam 10.30 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **17 April 2017, jam 10.30 Pagi**.

Bertarikh : 28 Februari 2017.

KEBANKRAPAN NO. 460 TAHUN 2016
HSBC FINANCE (B) BHD.

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
MOHAMMAD SALEM
BIN HJ. IBRAHIM
(RBPIC NO. 266221)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 Februari 2017**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
MOHAMMAD SALEM
BIN HJ. IBRAHIM
No. 5, Blok C, Polis Istana Nurul Izzah
Jerudong, BG3122
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 25 Januari 2017.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**
Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 Februari 2017**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **30 Mac 2017, jam 9.00 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **30 Mac 2017, jam 9.00 Pagi**.

Bertarikh : 28 Februari 2017.

KEBANKRAPAN NO. 408 TAHUN 2015
BIBD AT-TAMWIL BHD.

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
ROSITA BINTI HAJI KARIM
(BYIC NO. 00-079460)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **13 Februari 2017**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
ROSITA BINTI HAJI KARIM
No. 31, Spg. 43-38
STKRJ Lorong 3 Selatan, Seria
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 20 Januari 2017.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**
Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **13 Februari 2017**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **4 April 2017, jam 3.15 Petang**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **4 April 2017, jam 3.15 Petang**.

Bertarikh : 20 Februari 2017.

KEBANKRAPAN NO. 464 TAHUN 2015
HSBC FINANCE (B) BHD.

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
MAISALAMAH
BINTI MOHAMMAD SAID
(BYIC NO. 00-254861)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **10 Mac 2015**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
MAISALAMAH
BINTI MOHAMMAD SAID
No. 289, Kampung Belais
Jalan Pendaruan / Temada
Temburong, PE1351
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 9 Februari 2016.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**
Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **10 Mac 2015**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **17 April 2017, jam 10.00 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **17 April 2017, jam 10.00 Pagi**.

Bertarikh : 20 Februari 2017.

KEBANKRAPAN NO. 92 TAHUN 2016
HSBC FINANCE (B) BHD.

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
AZATUL IRNIE BINTI ZAINI
(BYIC NO. 00-297530)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 September 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
AZATUL IRNIE BINTI ZAINI
No. 13, Spg. 1579-26-18
Kg. Telisai, Tutong, TC1145
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 3 Ogos 2016.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**
Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **8 September 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **8 April 2017, jam 9.00 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **8 April 2017, jam 9.00 Pagi**.

Bertarikh : 20 Februari 2017.

KEBANKRAPAN NO. 209 TAHUN 2016
BANK ISLAM

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
BINTI AWANG / MUSLIM
(BYIC NO. 00-314392)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **15 Oktober 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
SITI AMANINA
BINTI AWANG / MUSLIM
No. 16, Spg. 46, Jalan Teripas
RPN Panaga Seria, KB4533
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 8 Jun 2016.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**
Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **15 Oktober 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **27 Mac 2017, jam 9.30 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **27 Mac 2017, jam 9.30 Pagi**.

Bertarikh : 20 Februari 2017.

KEBANKRAPAN NO. 81 TAHUN 2016
HSBC FINANCE (B) BHD.

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
MOHAMMAD HALID
BIN HJ. MD. SOEHINE
(BYIC NO. 00-257419)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **2 Julai 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
MOHAMMAD HALID
BIN HJ. MD. SOEHINE
No. 7, Spg. 57-10, Jln. 64
Kg. Perpindahan Lambak Kanan, BC3115
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 25 Mei 2016.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**
Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **2 Julai 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **17 April 2017, jam 10.30 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **17 April 2017, jam 10.30 Pagi**.

Bertarikh : 20 Februari 2017.

KEBANKRAPAN NO. 355 TAHUN 2016
BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BHD.

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
Vs
MOHAMMAD MUGHNI
BIN HAJI MAHARI
(BYIC NO. 00-305255)
... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **2 Februari 2017**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
MOHAMMAD MUGHNI
BIN HAJI MAHARI
No. 1122, Kampung Kilanas, KM 12
Jalan Tutong, BF2520
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 12 November 2016.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**
Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **2 Februari 2017**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **15 April 2017, jam 9.00 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **15 April 2017, jam 9.00 Pagi**.

Bertarikh : 20 Februari 2017.

Semua si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab keagalannya.

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar.



**JABATAN TENAGA DAN PERINDUSTRIAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**TAJUK SEBUT HARGA :
DESIGN AND REFURBISHMENT
OF JOBCENTRE BRUNEI (JCB)**

**BILANGAN TAWARAN :
EID / SEBUTHARGA / 2017 - 2018 / 1**

SEBUT HARGA hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dan dialamatkan kepada :

PENGERUSI

**JAWATANKUASA SEBUT HARGA
JABATAN TENAGA DAN PERINDUSTRIAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dokumen tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran** yang telah disediakan di **Jabatan Tenaga, Basement 2, Bangunan Jabatan Perdana Menteri**. Tidak lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan di bawah ini. **Bilangan sebut harga dan tajuk sebut harga hendaklah dinyatakan di hujung sebelah kiri sampul surat berkenaan.**

Cagaran : **BND5.00** (untuk satu dokumen tawaran. Wang cagaran tidak akan dikembalikan).

**Tarikh Tutup Tawaran :
25 Rejab 1438
22 April 2017 (Sabtu)
Jam : Tidak lewat jam 2.00 Petang**

Syarat-Syarat Tawaran :

Sebut harga hanya dibukakan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan mempunyai sijil yang sah untuk digunakan.

Untuk makluman penerangan dan lawatan ke tempat projek akan diadakan pada **17 April 2017 (Isnin), jam 10.00 Pagi** bertempat di **Bangunan Pusat Perkerjaan Brunei, Beribi**. Penender-penender yang gagal hadir semasa sesi penerangan pada hari berkenaan adalah dikira menarik diri di dalam sebut harga berkenaan.

Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh di **Unit Kewangan, Jabatan Tenaga, Basement 2, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Jabatan Perdana Menteri**. Pembayaran dibukakan dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi** dan **2.00 Petang** hingga **3.00 Petang (Isnin hingga Khamis)** dan **8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi (Sabtu)**.



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SURAT KUASA PUSAKA NO. T/LA/41/2016

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH ALIMAH BINTI HAJI ALI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI SAIFUL ASHURA BIN HAJI ABDUL AZIZ @ SURATI BIN YUNTON** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **8 April 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 23 MAC 2017.

(DK. NORAFIDAH BINTI PG. HAJI BUNGSU)

b/p. Pegawai Waris Tutong

Negara Brunei Darussalam.



**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN SEBUT HARGA :
002 / HQ / 2017 - QM (LELONG)**

**JUALAN LELONG BAGI
4 UNIT ELECTRONIC TYPEWRITER
DI BALAI POLIS BANGAR, TEMBURONG**

003 / HQ / 2017 - QM (LELONG)

**JUALAN LELONG BAGI 62 UNIT
PERALATAN DAN PERABOT PEJABAT
DI BALAI POLIS BANGAR, TEMBURONG**

**1. BIL. SEBUT HARGA :
002 / HQ / 2017 - QM (LELONG)**

Typewriter jenis Brother

CX-8250 Electronic

No Siri :

1. U53093E4E900778

F4E900778

2. U53093E4E900802

F4E900802

JUMLAH : 2 unit

Typewriter jenis Brother

CX-8250 Electronic

No Siri : F4E900779

JUMLAH : 1 unit

Typewriter jenis Alder

Universal 275

No Siri : 632439-A12/T16N09F/49/2000

JUMLAH : 1 Unit

**CAJ BORANG : BND2.00
HARGA INDIKASI : BND25.00**

**2. BIL. SEBUT HARGA :
003 / HQ / 2017 - QM (LELONG)**

Besi Stand Papan Tanda Jalan -

JUMLAH : 7 unit

Katil Besi Dua Tingkat single) -

JUMLAH : 8 unit

Kerusi Pejabat warna coklat -

JUMLAH : 5 unit

Kerusi Pejabat jenis plastik warna biru muda

dan hitam (tidak ada meja) -

JUMLAH : 5 unit

Kerusi Pejabat warna merah dan hitam -
JUMLAH : 3 unit
Kerusi pejabat jenis plastik warna biru muda dan hitam (ada meja) - JUMLAH : 3 unit
Kerusi pejabat warna biru dan hitam jenis Dunlop - JUMLAH : 2 unit
Kerusi pejabat warna biru - JUMLAH : 1 unit
Meja Makan (ukuran 4 x 8) - JUMLAH : 2 unit
Tilam single - JUMLAH : - JUMLAH : 11 unit
Tilam Double - JUMLAH : 3 unit
Katil besi warna hitam dua tingkat - JUMLAH : 4 unit
Katil besi warna merah dua tingkat - JUMLAH : 1 unit
Almari pakaian - JUMLAH : 6 unit
Almari dapur jenis aluminium - JUMLAH : 1 unit

**CAJ BORANG : BND2.00
HARGA INDIKASI : BND80.00**

PERHATIAN BAGI PENENDER-PENENDER :

Borang tawaran bolehlah didapati di **Unit Perbekalan Tingkat Bawah, Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei**, semasa waktu bekerja sahaja.

Bayaran dokumen tawaran berharga **BND2.00 (tidak dikembalikan)**. Pembayaran bolehlah dibuat di **Kaunter Pembayaran, Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei** pada waktu bekerja, iaitu **Isnin** hingga **Khamis** dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan **2.00 Petang** hingga **3.00 Petang** dan **Sabtu** dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi**.

Tarikh terakhir mengambil borang pada **Khamis, 6 April 2017**.

Tarikh tutup menghantar borang pada **10 April 2017, Jam 10.00 Pagi** dan tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan. Tarik melihat barang-barang lelongan ialah pada **4 hingga 6 April 2017** (waktu bekerja), jam **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan **2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**.



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
FOR INVESTMENT PROPOSALS
TO DESIGN, BUILD, OPERATE,
MAINTAIN AND TRANSFER
GERAINEKA SUNGAI LIANG,
DAERAH BELAIT**

MINISTRY of Home Affairs (MoHA) is seeking a suitable and reputable investor, hereinafter referred to as "Prospective Investor" to Design, Build, Operation, Maintain and Transfer (DBOMT) of Geraineka Sungai Liang, Daerah Belait.

The MoHA intends to work with Prospective Investor on the basis of a (DBOMT) model as details below :

1) MoHA will provide land on lease for the redevelopment of Geraineka Sungai Liang. The cost of premium including land annual tax will be borne by the Prospective Investor.

2) The prospective investor will redevelop the said area which includes public and community facilities.

3) The prospective investor will collect evenues from operating and leasing the area including public and community facilities as returns for their investment into the building. In return, the Prospective Investor is required to build and handover shop units and other development in that area by the end of the concession period including necessary infrastructure according to authorise requirement.

4) The prospective investor shall Invest, Design, Build, Operate, Maintain and Transfer the shop units for a maximum concession period of **twenty (20) years**. At the end of the concession period, the complex will be transferred to the **MoHA** in good conditions.

To register for the RFP, interested parties should send an e-mail to rfp.khedn@moha.gov.bn with the subject heading, **DESIGN, BUILD, OPERATE, MAINTAIN AND TRANSFER GERAINEKA SUNGAI LIANG, DAERAH BELAIT** and attaching company profile.

More detailed information and guideline for submitting proposals will be provided in the Request for Proposal (RFP) document which can be obtained from Ministry of Home Affairs or through e-mail :

rfp.khedn@moha.gov.bn.

Completed proposal shall be sealed and delivered by hand or registered mail **no later than Tuesday, 9 May 2017, 2.00 Pm Brunei Darussalam time** to :

**MINI TENDER BOARD
GROUND FLOOR
MINISTRY OF HOME AFFAIRS
JALAN JAMES PEARCE
BANDAR SERI BEGAWAN
BS8610, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.**

Ketamadunan Brunei dalam Seminar Internasional Kepulauan Natuna

Oleh : Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Pejabat Sekretariat
Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja

SEBAGAIMANA titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 Januari 2016 semasa keberangkatan baginda ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bahawa kita jangan lupa dasar luar kah atau dasar dalam kah, paksinya ialah Melayu Islam Beraja (MIB). Beta tegaskan di sini MIB bukanlah ia untuk tahan-tahan dalam negara sahaja, tetapi juga untuk dibawa ke luar. Bertolak dari MIB inilah, kita akan menghulurkan tangan kepada semua orang untuk bersahabat dan berbaik-baik dengan siapa jua. Kita mesti tunjukkan kepada dunia akan keluhuran MIB bukan menapukkan. Sehubungan dengan titah ini, seramai sembilan peserta dari Negara Brunei Darussalam menghadiri Seminar Internasional bertema 'Tamadun Melayu dan Transformasi Masyarakat Ekonomi ASEAN : Perspektif Natuna Cerdas, Mandiri dan Berkeadaban', pada 29 Muharram 1438 Hijrah bersamaan 30 Oktober 2016 Masihi. Rombongan ini terdiri daripada penulis sendiri dari Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB, pensyarah-pensyarah dari Universiti Brunei Darussalam dan golongan akademik secara persendirian.

Penyertaan ini bukan sahaja sebagai satu usaha untuk memperkenalkan dan juga menyebarluaskan kefahaman masyarakat luar mengenai MIB yang menjadi acuan pada ketuanan orang-orang Brunei di Negara Brunei Darussalam bahkan juga sebagai langkah perkongsian ilmu untuk mengeratkan hubungan silaturahmi serta mewujudkan kerjasama yang lebih padu dalam bidang sosioekonomi dan budaya. Secara tidak langsung pembentangan kertas kerja dan pertukaran maklumat dalam seminar yang dihadiri oleh peserta dalam kalangan masyarakat ASEAN ini telah mewujudkan satu kesatuan dan kesefahaman serta semangat hormat menghormati dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara sejajar dengan visi ASEAN.

Dalam seminar yang berlangsung selama dua hari tersebut para peserta dari negara luar bukan sahaja berkesempatan mempelajari dan memperoleh maklumat mengenai sejarah dan ketamadunan Melayu di Kepulauan Natuna bahkan juga mendalami lagi tentang kekayaan hasil bumi serta budaya masyarakat Melayu di kepulauan tersebut. Seminar ini secara tidak langsung telah dapat merapatkan lagi hubungan silaturahmi yang memang wujud sekian lama sebelum ini dalam bidang budaya

dan ekonomi sesuai dengan kedudukan Kepulauan Natuna di tengah-tengah Laut China Selatan yang menjadi penghubung antara masyarakat ASEAN.

Sebagaimana yang dimaklumi, tema Seminar Tamadun Melayu di Natuna yang memfokuskan pada Transformasi Ekonomi Masyarakat ASEAN adalah satu agenda penting bagi mewujudkan ekonomi daya saing bukan sahaja untuk pembangunan Kepulauan Natuna bahkan juga dalam kalangan masyarakat ASEAN sekali gus mengukuhkan dan mengeratkan kerjasama dalam bidang sosial dan ekonomi. Perkara ini telah dinyatakan oleh tetamu kehormat Seminar Internasional, Bapak Drs. H. Abdul Hamid Rizal, Bupati Natuna pada 30 Oktober 2016 di Dewan Sekolah Tinggi Agama Islam, Natuna. Seminar ini sebagai satu langkah pembangunan Natuna yang bersandarkan ketamadun Melayu Islam.

Pada hari kedua seminar peserta seminar telah dibawa melawat ke beberapa tempat menarik sebagai usaha memperkenalkan Kepulauan Natuna sebagai pusat pelancongan Islam melalui kewujudan tempat-tempat bersejarah dan menarik seperti pantai-pantai yang indah dan bersih serta pulau-pulau yang menghirau dengan keindahan alam semua jadi yang belum tercemar oleh proses pembangunan fizikal. Kepulauan Natuna juga memang kaya dengan hasil alam semula jadi termasuk kehidupan tradisi masyarakat Melayu di Kampong Ayer di Pulau Sedanau, iaitu kira 30 minit perjalanan feri dari Pulau Natuna. Keaslian dan pengekaln warisan tradisi tamadun Melayu di Pulau Sedanau menggambarkan budaya masyarakat Melayu pada zaman silam. Hal ini jelas tergambar berdasarkan lawatan sehari rombongan dari Brunei ke pulau tersebut. Dengan lain perkataan cara hidup masyarakat Melayu di Kampong Ayer di Pulau Sedanau didapati ada persamaan dengan kehidupan masyarakat Kampong Ayer Brunei. Antaranya masyarakat di sini masih mengamalkan ciri kehidupan tradisi masyarakat Brunei zaman silam terutama dalam hubungan hidup bermasyarakat dan berbudaya bahkan juga dari aspek jenis mata pencarian. Ciri-ciri keperibadian MIB di negara kita seperti awar galat, murah hati, bersopan santun, rajin, mematuhi adat dan sebagainya masih kekal diamalkan di Pulau Sedanau.

Berdasarkan pengamatan dan interaksi rombongan dengan penduduk-penduduk di Kampong Ayer di Pulau Sedanau ini, didapati bahawa pembangunan dan kemudahan infrastruktur yang disediakan adalah lebih teratur, terancang dan tersusun contohnya



ROMBONGAN telah mengadakan lawatan ke Pulau Sedanau yang dikatakan ada antara penduduknya berasal dari Brunei dan masih mengamalkan nilai-nilai Melayu Islam Beraja.

sistem pembuangan sampah. Sementara sistem perhubungan dari segi susunan perumahannya yang sejajar dan pembinaan jalannya kelihatan lebih selamat dan kukuh. Dalam hal ini, terdapat persamaan nilai-nilai kehidupan masyarakat Melayu di Pulau Sedanau dengan masyarakat Melayu Brunei di Kampong Ayer.

Berdasarkan hasil perbincangan dan pertemuan singkat dengan keluarga Pengiran Suryadi yang mengakui bahawa keturunannya berasal dari Brunei yang datang ke kepulauan ini lebih kurang 200 tahun yang lalu bahawa masyarakat di Pulau Sedanau masih mengamalkan budaya kemelayuan, antaranya dari segi budaya dan adat istiadat dalam majlis perkahwinan, bertahlil, majlis keramaian dan sebagainya. Amalan memucang-mucang atau sikap tolong-menolong dan *baurung-urung* dalam apa jua aktiviti yang melibatkan masyarakat kampung masih membudaya dan diamalkan. Masyarakat di sini masih berpegang kepada amalan tradisi yang penuh beradab, bersopan dan berbahasa dalam hubungan kekeluargaan dan bermasyarakat. Misalnya dalam majlis perkahwinan mereka sangat menekankan kepentingan cara hidup berkeluarga dan berjiran, iaitu sama-sama turun padang bagi menjayakan majlis yang akan diadakan. Konsep bermasyuarah, bermuafakat dan bergotong-royong seperti aur dengan tebing diutamakan dalam setiap aktiviti yang hendak dilaksanakan misalnya mendirikan khemah, memperbaiki pantaran rumah atau jambatan, memotong daging dan penyediaan bahan keperluan majlis, atau memasak makanan untuk majlis yang hendak diadakan dilakukan secara bekerjasama.

Justeru, setiap anggota masyarakat sama ada yang jauh atau yang dekat akan menyumbang tenaga dan buah fikiran bagi menjayakan majlis tersebut berdasarkan semangat kekeluargaan dan kejiranan. Amalan seperti ini juga pernah diamalkan oleh masyarakat Melayu Brunei pada masa lalu termasuklah adat mengundang atau menjemput juga menghantar surat jemputan yang penuh beradab dan berbudi bahasa. Amalan serupa ini juga masih diamalkan di Pulau Sedanau. Tanpa adanya tata cara atau pengolahan jemputan yang sempurna dan penuh beradab pihak yang dijemput tidak akan menghadirkan diri dalam majlis yang akan diadakan. Yang penting bukan setakat hadir dalam majlis tersebut, tetapi melibatkan diri secara aktif dengan semangat kekitaan dalam kerja-kerja persediaan untuk menjayakan majlis itu. Amalan ini merupakan adat dan budaya tamadun Melayu yang ingin dikekalkan bagi mewujudkan suasana keharmonian dan kedamaian hidup bermasyarakat dan bernegara yang sepatutnya dikekalkan dalam era

globalisasi masa kini. Inilah juga nilai-nilai MIB yang perlu dikukuhkan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara di Negara Brunei Darussalam.

Di samping persamaan dari segi sosiobudaya kehidupan bermasyarakat Brunei pada masa lalu dengan penduduk Melayu Sedanau, persamaan dalam kehidupan perekonomian juga turut terserlah. Kehidupan mereka juga banyak bergantung pada kegiatan perikanan, iaitu menangkap ikan secara tradisi, di samping mengikuti perkembangan perekonomian masa kini seperti projek memelihara ikan yang terpilih misalnya ikan Napoleon yang berharga mencecah \$100 sekilo. Hal sumber ekonomi kelautan sedemikian ini didapati mempunyai persamaan dengan masyarakat Brunei di Kampong Ayer suatu ketika dulu. Masyarakat Kampong Ayer ini juga mempunyai kemahiran dalam kraf tangan seperti menganyam tudung saji dan kreativiti pembuatan kuih-kuih Melayu yang kebanyakannya berbahakan ikan dan ambungan yang mempunyai persamaan dengan masyarakat Kampong Ayer Brunei.

Pembuatan atau anyaman tudung saji masih giat dijalankan oleh masyarakat Pulau Sedanau kerana penggunaannya yang meluas, lumrah dan membudaya. Hal ini terbukti dalam cara penghidangan makanan *bersaprah* yang masih menggunakan tudung saji dan dihidangkan dalam talam untuk empat orang sehidangan. Justeru, keakraban ukhawah masyarakatnya terpancar dalam sistem dan penyajian makanan ini. Adat duduk bersila bagi kaum lelaki dan bertimpuh bagi kaum wanita atau perempuan masih diamalkan. Ahli keluarga atau masyarakat duduk bersama sejajar dalam suasana damai dan penuh beradab. Suasana dan amalan perlakuan seperti ini tidak asing bagi masyarakat Melayu Brunei Kampong Ayer dahulu.

Dari persamaan perlakuan adat dan budaya yang masih diamalkan di Pulau Sedanau ini jelas membuktikan amalan nilai-nilai MIB di negara kita memang sudah wujud berkurun lamanya. Ia adalah satu warisan tradisi yang membuktikan akan kesuhuran bangsa Melayu yang mempunyai adat, bahasa, budaya dan agama yang menggambarkan identiti kemelayuan dan menjadi asas kemasyhuran tamadun Melayu pada zaman silam. Oleh itu, kita dan generasi baharu masa kini hendaklah mempunyai semangat nasionalis kemelayuan yang kukuh untuk mempertahankan nilai-nilai murni bangsa Melayu yang menjadi sandaran pada falsafah negara MIB untuk kesejahteraan dan keselamatan hidup di dunia dan di akhirat.



MENJAMU tetamu makan empat orang sehidangan dan bertudung dulang masih diamalkan di Pulau Sedanau juga di Kepulauan Natuna.

Pertahankan survival sejarah negara



PENGETUA Sekolah Menengah Katok, Dayang Penroose Saleha binti Haji Mohd. Salleh (empat, kiri) bersama Pemangku Timbalan Pengetua Pusat Sejarah semasa menyaksikan Pameran Program Outreach : Mendekati Sejarah Silam yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Katok.



PELAJAR berpeluang menyaksikan pameran foto-foto sejarah Negara Brunei Darussalam.

KATOK, Isnin, 3 April. - Sejarah silam dapat memberi pendedahan positif dan pengetahuan berguna kepada generasi muda khususnya penuntut-penuntut sekolah menengah tentang kepentingan mempelajari dan mengetahui sejarah serta relevannya pelajaran sejarah terhadap pembangunan negara.

Menurut Pemangku Timbalan

MENDEKATI Sejarah Silam memberi tumpuan kepada generasi belia untuk memahami dan mencintai sejarah negara bangsa, kerana mereka inilah generasi penerus kepada pembangunan dan kemajuan negara pada masa hadapan. Melalui kefahaman dan kecintaan tersebut tambahnya, akan mendorong generasi pewaris negara pada masa kini untuk taat kepada raja, bangsa dan negara serta mendukung falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Pengetua Pusat Sejarah Brunei (PSB), Awang Hanafi bin Haji Salleh, Program Outreach : Mendekati Sejarah Silam yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Katok memberi tumpuan kepada generasi belia untuk memahami dan mencintai sejarah negara bangsa, kerana mereka inilah generasi penerus kepada pembangunan dan kemajuan negara pada masa hadapan.

Melalui kefahaman dan kecintaan tersebut tambahnya, akan mendorong generasi pewaris negara pada masa kini untuk taat kepada raja, bangsa dan negara serta mendukung falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Oleh itu, beliau berharap program berkenaan akan dapat memberi pendedahan kepada para penuntut sekolah melalui interaksi dan sesi soal jawab tentang apa jua persoalan yang timbul khususnya perkara-perkara yang melibatkan sejarah negara.

Sementara itu, Pengetua Sekolah Menengah Katok, Dayang Penroose Saleha binti Haji Mohd. Salleh menyatakan, tujuan program itu diadakan adalah bagi mendukung falsafah MIB melalui pengetahuan



PEMANGKU Timbalan Pengetua Pusat Sejarah, Awang Hanafi bin Haji Salleh semasa berucap pada Program Outreach : Mendekati Sejarah Silam.

dan pembelajaran sejarah dalam kalangan generasi muda dan belia supaya mereka mempunyai semangat patriotik dan jati diri.

Program yang berlangsung selama tiga hari hingga 5 April 2017 itu merupakan anjuran PSB dengan kerjasama Sekolah Menengah Katok turut diisikan dengan taklimat dan penerangan ringkas mengenai fungsi dan peranan PSB selain dimuatkan dengan bengkel, pameran, klinik buku dan aktiviti lainnya.

Melalui program berkenaan dihasrat akan menjadi pemangkin khususnya dalam menanamkan minat generasi muda dan belia terhadap pentingnya mengetahui sejarah ke arah pembangunan negara bangsa, di samping menjaga dan mempertahankan *survival* sejarah negara dalam menempuhi dunia globalisasi yang semakin mencabar.

Tingkatkan pengetahuan ilmu Tauhid



TUTONG, Isnin, 3 April. - Kursus Ta'lim, iaitu Kursus Fiqh At-Tauhid memberikan kefahaman, mengulang kaji pengetahuan dan meningkatkan lagi kefahaman yang sedia ada untuk diamalkan dalam kehidupan dan menghayati ajaran Islam dengan penuh keyakinan serta ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, lebih 35 orang ahli Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) telah menghadiri kursus anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Unit Penyebaran Dakwah itu yang berlangsung di Pejabat Unit Dakwah Daerah Tutong, di sini.

PENCERAMAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Imaharan bin Haji Metali semasa mengendalikan kursus berkenaan.

Kursus yang berlangsung selama empat hari itu dikendalikan oleh penceramah PDI, Awang Haji Imaharan bin Haji Metali.

Kursus yang dibukakan kepada lelaki dan wanita berusia 25 tahun ke atas dan bukan kakitangan kerajaan serta beragama Islam itu merupakan rancangan tahunan Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Dakwah yang antara lain bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan agama khususnya perkara-perkara yang berhubung kait dengan ilmu Tauhid.

Tajuk-tajuk yang akan dibentangkan sepanjang kursus tersebut ialah Pengertian Tauhid, Pengertian Islam, Pengertian Iman, Percaya kepada Allah Subhanahu Wata'ala, Percaya kepada Malaikat, Percaya kepada Kitab Allah, Percaya kepada

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Rasul-Rasul, Percaya kepada dan Qadar dan Perkara-Perkara Hari Kiamat, Percaya kepada Qada As Sam'iyat dan Al Ghaibiyat.

Perkhidmatan baharu BIBD bawa keselesaan penduduk kampung

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

MULAUT, Isnin, 3 April. - BIBD hari ini memperluaskan rangkaian *e-banking* kepada penduduk Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong dengan menyediakan mesin ATM yang ke-59 di seluruh negara yang terletak di Hua Ho Mulaut Mall di Tingkat Bawah, Blok 'B', Lot 30087, Simpang 343, Kampung Mulaut.

Pelancaran ATM BIBD Mulaut ini adalah selaras dengan usaha BIBD untuk memberikan lebih banyak kemudahan kepada para pelanggannya. Bersama-sama dengan pelancaran itu, BIBD juga berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan yang sedia ada di lokasi-lokasinya yang baharu dengan lebih banyak Mesin ATM dan CDM (Mesin Deposit Tunai), termasuk lokasi akan datang di Sungai Liang dan Tutong.

Maklumat lanjut mengenai mana-mana perkhidmatan, produk dan promosi BIBD boleh mengikuti akaun Instagram BIBD di BIBDBRUNEI; laman Facebook di www.facebook.com/bibdbrunei; menghubungi pusat talian BIBD di +673 2238181 atau mengunjungi Cawangan BIBD yang terdekat.

Juga, jangan lupa untuk memuat turun BIBD Mobile App bagi mendapatkan tawaran terkini BIBD dan promosi di bawah bahagian 'What's New'.



SEBAHAGIAN peserta terdiri dari Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) semasa menghadiri kursus berkenaan.

Walkaton sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun

**Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei**

TEMBURONG, Isnin, 3 April. - Daerah Polis Temburong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah mengadakan acara Walkaton sempena Sambutan Hari Polis yang Ke-96 Tahun 2017 berlangsung di Pekan Bangar pada Ahad, 2 April.

Walkaton sejauh kira-kira 2 kilometer itu merangkumi perjalanan mengelilingi Kampung Menengah dan telah pun diadakan sebagai salah satu aktiviti daerah polis dalam Sambutan Hari Polis.

Walkaton tersebut bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara masyarakat sejajar dengan tema Sambutan Hari Polis pada tahun ini, iaitu 'Perpaduan dan Keharmonian Mengukuhkan Keamanan', yang mana aktiviti walkaton tersebut adalah secara *non-competitive* dan menjurus pada beriadah sambil bersatu bersama masyarakat dalam menjalankan kehidupan yang sihat dan aman.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Penolong Pesuruhjaya Polis (Assistant Commissioner of Police) Pengiran



WALKATON tersebut dimulai dengan sesi senamrobik bertempat di kawasan lapang dermaga Pekan Bangar.

Haji Muhammad bin Pengiran Haji Metali.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Walkaton tersebut dimulai dengan sesi senamrobik bertempat di kawasan lapang dermaga Pekan Bangar.

Setelah acara berjalan lalu,

acara yang diikuti oleh lebih kurang 200 peserta tersebut dimeriahkan lagi dengan pameran kerjaya dari Pusat Latihan Polis, PDB serta pameran dan jualan Satu

Produk Satu Kampung, Daerah Temburong sambil diiringi oleh persembahan daripada Pancaragam PDB di ruang legar Kompleks Bumiputera Pekan Bangar.

Tiga produk kosmetik dicemari bahan terlarang

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan tiga produk kosmetik yang mana hasil dari ujian makmal Perkhidmatan Makmal Farmasi, Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk-produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang yang tidak diisytiharkan.

Produk-produk berkenaan ialah Tati Skincare 5 in 1 Set - Night Cream dan Lyanaz Beauty Care Magic Night Cream yang masing-masing dicemari dengan Merkuri sementara Tati Skincare 5 in 1 Set - Treatment dicemari dengan Hydroquinone dan Tretinoin. Bagaimanapun tidak dinyatakan pengilang bagi produk-produk tersebut.

Bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang

membahayakan kesihatan.

Merkuri adalah bahan yang dilarang dalam produk kosmetik seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007.

Penggunaan merkuri di dalam produk kosmetik adalah dilarang kerana ia boleh memudaratkan kesihatan. Tahap merkuri yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh meyebabkan kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Anak damit dan kanak-kanak kecil boleh terdedah dengan kesan sampingan dari pengguna; yang boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau anak damit yang belum dilahirkan.

Hydroquinone dan tretinoin adalah bahan yang digunakan dalam ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi merawat penyakit kulit

dan ia dilarang sebagai bahan di dalam produk kosmetik penjagaan kulit di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik).

Penggunaan Hydroquinone tanpa pengawasan boleh menyebabkan perubahan warna kulit, hipersensitiviti, bahagian kulit yang disapu menjadi biru-hitam atau gelap serta boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

Penggunaan tretinoin yang tidak betul boleh menyebabkan kulit yang disapu menjadi kemerahan, mengelupas dan parut pada kulit.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan dan / atau mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk-produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau menggunakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan penggunaannya dengan serta merta. Jika mereka mengalami kesan sampingan yang teruk dan merasa tidak sihat selepas penggunaan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk-produk tersebut (termasuk penjualan secara *online* seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 untuk mengimport dan memasarkan produk kosmetik dipasaran tempatan tanpa Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh Pihak

**Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan**

Berkuasa di Kementerian Kesihatan, dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000 penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan ke Perkhidmatan Peraturan-Peraturan Kesihatan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Perkhidmatan Peraturan-Peraturan Kesihatan melalui talian telefon +673 2384182, menghantar e-mel ke health.regulations@moh.gov.bn atau berjumpa terus dengan Pegawai Penguatkuasaan di Perkhidmatan Peraturan-Peraturan Kesihatan, Tingkat 1, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN KESELAMATAN, JAGA KEBERSIHAN, KEKALKAN KESEJAHTERAAN

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.